Kenali Johor

TOURISM JOHOR

Travel Guide

Bahasa Melayu



# KENALI JOHOR

جوهر دار التعظيم

JOHOR DARUL TA'ZIM

Taman Negara Endau-Rompin (Selai) | #YokRoundJohor

YOK Round JOHOR

#YokRoundJohor

# Isi Kandungan


| Daerah | Muka Surat |
|---|---|
| **Johor Bahru** | **4** |
| Tempat-tempat Menarik | 7 |
| Aktiviti & Rekreasi | 15 |
| Tempat Makan | 19 |
| Penginapan | 21 |
| Pusat Beli-belah | 24 |
| **Muar** | **28** |
| Tempat-tempat Menarik | 32 |
| Aktiviti & Rekreasi | 36 |
| Tempat Makan | 37 |
| Penginapan | 39 |
| Pusat Beli-belah | 46 |
| **Batu Pahat** | **49** |
| Tempat-tempat Menarik | 51 |
| Aktiviti & Rekreasi | 53 |
| Tempat Makan | 55 |
| Penginapan | 57 |
| Pusat Beli-belah | 59 |
| **Kota Tinggi** | **62** |
| Tempat-tempat Menarik | 63 |
| Aktiviti & Rekreasi | 65 |
| Penginapan | 67 |
| Tempat Makan | 70 |
| **Mersing** | **74** |
| Tempat-tempat Menarik | 78 |
| Aktiviti & Rekreasi | 80 |
| Tempat Makan | 84 |
| Penginapan | 85 |

| Daerah | Muka Surat |
|---|---|
| **Segamat** | **91** |
| Tempat-tempat Menarik | 92 |
| Aktiviti & Rekreasi | 94 |
| Pusat Beli-belah | 95 |
| Tempat Makan | 96 |
| Penginapan | 97 |
| **Pontian** | **100** |
| Tempat-tempat Menarik | 101 |
| Tempat Makan | 105 |
| Penginapan | 106 |
| **Kluang** | **109** |
| Tempat-tempat Menarik | 109 |
| Pusat Beli-belah | 115 |
| Tempat Makan | 116 |
| Penginapan | 117 |
| **Kulai** | **120** |
| Tempat-tempat Menarik | 121 |
| Aktiviti & Rekreasi | 123 |
| Pusat Beli-belah | 125 |
| Tempat Makan | 126 |
| Penginapan | 127 |
| **Tangkak** | **131** |
| Tempat-tempat Menarik | 132 |
| Pusat Beli-belah | 135 |
| Tempat Makan | 136 |
| Penginapan | 138 |
| **Festival Johor** | **141** |
| **Senarai Agensi** | **143** |




TRAVEL GUIDE BOOK

# KENALI JOHOR

*#Yok Round Johor*



# SELAMAT DATANG

## KE JOHOR DARUL TA'ZIM

Johor. Nama ini datang daripada perkataan Arab "Jauhar" yang bermakna "Permata Berharga". Johor juga dikenali sebagai Hujung Tanah atau "Gangganu" oleh orang-orang Siam yang bermaksud "Batu Permata". Sejarah Johor moden pula bermula dibawah pemerintahan Sultan Abu Bakar yang telah memperkenalkan Perlembagaan Johor seterusnya membawa perubahan dalam pentadbiran negeri Johor yang lebih efisyen. Kini, negeri yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia dengan keluasan 19,166 KM persegi ini sentiasa menyaksikan pembangunan dan kemajuan dari aspek ekonomi, gaya hidup dan juga berkembang sebagai destinasi pelancongan pilihan. Dengan kepadatan penduduk seramai 3.79 juta orang, Johor telah menerima sekurang-kurangnya 8 juta pelancong setiap tahun.

Negeri Johor yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia merupakan pintu masuk utama ke Malaysia melalui Singapura sekaligus mencuri tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Negeri bertuah ini tidak hanya berkembang pesat dari segi pembangunan dan pemodenan, malah dianugerahi dengan keindahan pulau dan pantai yang indah serta landskap biodiversiti yang terpelihara sejak ribuan tahun.










TOURISM JOHOR



Negeri Johor juga terkenal dengan monumen dan mercu tanda yang tersendiri. Pembukaan beberapa taman tema antarabangsa seperti Legoland Malaysia telah merancakkan lagi industri pelancongan dan ekonomi penduduk setempat. Rakyat Johor atau lebih dikenali sebagai Bangsa Johor cukup kaya dengan adat, budaya, warisan serta kepelbagaian citarasa makanan sekaligus melambangkan identiti sebenar Johor disamping memupuk semangat perpaduan dan permuafakatan antara satu sama lain.

Gabungan daripada semua elemen ini menjadikan negeri yang terdiri daripada 10 buah daerah ini sebuah destinasi percutian yang lengkap untuk pelancong dari dalam dan luar negara.






















## Augmented Reality (AR)

Augmented reality (AR) dalam bahasa Melayu diterjemahkan sebagai realiti berperantara. Augmented Reality (AR) adalah sejenis kesan visual yang dihasilkan oleh telefon bimbit atau komputer di mana objek visual yang ada pada buku atau apa jua bahan bercetak akan menghasilkan pemandangan sebenar yang kelihatan di paparan skrin.

Hasilnya, pengguna dapat memandang dunia sebenar melalui skrin komputer atau telefon. Dan mereka akan mendapati seolah-olah visual tersebut wujud secara realiti.

## Cara Menggunakan Aplikasi JOHOR TOURISM INTERCHANGE




1. Muat turun aplikasi di Google Playstore (Android) atau App Store(IOS).
2. Pilih AR Scanner & halakan kamera telefon pintar pada halaman ikon AR. Tunggu hingga objek AR muncul.
3. Anda boleh menyaksikan video, galeri gambar dan peta bagi setiap daerah. Gunakan fungsi 'screenshot' atau 'screen record' yang disediakan di paparan skrin.
4. Halaman yang tertera ikon ini mengandungi pengisian AR

AR OPEN JTI APP
SCAN THIS PAGE WITH YOUR PHONE
"Find out the HIDDEN GEMS behind the screen"



Imbas dan muat turun aplikasi

Johor Tourism Interchange

GET IT ON Google Play

Download on the App Store








# JOHOR BAHRU

Diiktiraf sebagai bandar raya kedua terbesar di Malaysia, Johor Bahru merupakan Kota Metropolitan merangkumi keluasan 1816 KM persegi. Mula diperkenalkan sebagai Tanjung Puteri pada tahun 1855, Johor Bahru telah diisytiharkan sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim pada 1 Januari 1896. Kedudukannya yang istimewa sebagai pintu masuk utama yang menghubungkan dua negara berjiran, Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor menjadikan bandar raya ini digelar 'Gerbang Selatan' atau 'The Southern Gateway'. Kepesatan pembangunan bandar raya ini turut mengangkat Johor Bahru menjadi pusat perindustrian, perdagangan dan pelancongan yang terkenal.




## Mercu Tanda 0 KM

Mercu tanda Kilometer Sifar atau 0 KM yang terletak di tengah bandar Johor Bahru ini merupakan kedudukan yang paling selatan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malah bagi Tanah Besar Asia. Mercu tanda 0 KM ini juga merupakan permulaan bagi tempat bermulanya ukuran KM di Semenanjung Malaysia.

: Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

## Bangunan Sultan Ibrahim

Bangunan Sultan Ibrahim merupakan bekas bangunan Urus Setia Negeri Johor. Bangunan Sultan Ibrahim terletak di Bukit Timbalan di Johor Bahru, Malaysia. Telah dibina antara tahun 1936 dan 1939 dan telah siap pada tahun 1940 apabila kerajaan kolonial British cuba menyelaraskan pentadbiran negeri. Bangunan ini mendabik kemahiran senibina yang megah dan mengekalkan ciri kesenian pembinaan klasik.

: Jalan Abdullah Ibrahim, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

: 011-3734 1088

: 300 M from city





## Dataran Bandaraya Johor Bahru

Dataran Bandaraya Johor Bahru telah dibina pada 1993 dan dibuka pada 1 Januari 1994 bagi memperingati pengisytiharan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya. Terletak berhadapan Selat Tebrau, acara dan persembahan tahunan sering diadakan di sini. Dataran ini terdiri daripada bangunan menara jam besar sebagai mercu tanda dan kawasan padang yang luas.

: Dataran Bandaraya Johor Bahru, 80100 Johor Bahru, Johor

: 3 KM from city





## Skyscape Menara JLand

Menara ini adalah yang pertama di Johor berkonsepkan ruang hiburan di udara (aerial entertainment space). Salah satu tarikan terbaru di tengah bandar Johor Bahru yang menampilkan gabungan teknologi dan hiburan pada ketinggian 149 meter dari aras tanah, bakal memberikan pengalaman terbaik buat pengunjung.

: 34, Menara JLand Johor Bahru City Centre (JBCC, Jalan Tun Abdul Razak, 80000 Johor Bahru, Johor

: 07-288 8723

: 2.2 KM from city









# Tempat - Tempat Menarik




## Kompleks Kraf Johor

Kompleks Kraf Johor atau dikenali dengan panggilan KKJ merupakan destinasi persinggahan setempat pelancongan yang berkonsepkan seni ikonik dan budaya tempatan di selatan tanah air.

: Lot PTB 20002 Jalan Cenderasari Off Jalan Datin Halimah, Larkin, 80350 Johor Bahru, Johor

: 07-235 0433

: 7 KM from city







## Zoo Johor

Zoo Johor adalah salah satu zoo yang tertua di Malaysia yang telah dibina pada tahun 1928. Terdapat lebih daripada 100 spesies haiwan yang tinggal di Zoo Johor termasuk beberapa spesies haiwan yang terancam.

: Jalan Gertak Merah, Taman Istana, 80000 Johor Bahru, Johor

: +607 223 0404

: 2.2 KM from city










## Muzium Tokoh

Muzium ini dikenali sebagai Bangunan Dato' Jaafar terletak di puncak Bukit Senyum, (Jalan Yahya AlDattar) Johor Bahru. Bangunan ini adalah kediaman rasmi menteri besar pertama Johor iaitu Dato' Jaafar Muhammad. Fungsi bangunan ini berubah mengikut peredaran zaman. Pernah juga dijadikan Maktab Perguruan Bahasa, markas tentera Jepun dan Inggeris, Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Akhirnya bangunan ini diserahkan kepada Yayasan Warisan Johor untuk dijadikan Muzium Tokoh.

: Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80400 Johor Bahru, Johor

: 07-222 8802

: 4 KM from city









## Puteri Harbour

Terkenal di peringkat antarabangsa sebagai tempat makan, pelabuhan kapal, pusat hiburan dan tempat percutian yang popular, Puteri Harbour merupakan tarikan utama di Iskandar Puteri.

: Persiaran Puteri Selatan 79000 Johor Bahru, Johor.

: 22 KM from city











## Laman Mahkota Istana Bukit Serene

Mercu tanda Mahkota Istana Johor yang tersergam indah di pintu gerbang kediaman rasmi DYMM Sultan Johor ini dikenali sebagai Laman Mahkota Istana Bukit Serene. Terletak berhadapan dengan Danga Bay di Jalan Straits View, Laman Mahkota Istana Bukit Serene ini merupakan tarikan terbaru di Johor Bahru.

:Jalan Kolam Air, Bukit Serene, 80200 Johor Bahru, Johor

: 6 KM from city

















## Masjid Jamek Sultan Abu Bakar

Masjid Jamek Sultan Abu Bakar merupakan masjid negeri Johor yang terletak di Johor Bahru. Pada tahun 1900 masjid ini telah dibuka secara rasmi oleh Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar. Nama masjid ini diberi sempena nama Almarhum Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim.

:Jalan Gertak Merah, Masjid Sultan Abu Bakar, 80000 Johor Bahru, Johor

: 1.7KM from city









## Gurdwara Sahib

Masyarakat Sikh mula menetap di Johor pada abad ke-19. Kebanyakan mereka bertugas sebagai anggota polis dan ada juga bertugas sebagai pengawal Sultan. Masyarakat Sikh memohon untuk mendirikan Gurdwara Sahib pada tahun 1916. Kini bangunan ini dikenali sebagai salah satu bangunan bersejarah di Johor.

: Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

: 1.4 KM from city







## Glass Temple

Kuil Hindu ini dibina pada tahun 1922 dan telah disenaraikan di dalam Malaysia Book of Record sebagai kuil pertama di Malaysia yang dibina dengan menggunakan kaca. Temple Glass ini juga menjadi tumpuan baru pelancong ke negeri Johor.

: Jalan Tun Abdul Razak 1/1, Wadi Hana, 80300 Johor Bahru, Johor

: 019-762 6019

: 3.8 KM from city









## Chinese Heritage Museum

Muzium ini ditubuhkan bagi memelihara sejarah komuniti cina di Johor Bahru. Antara koleksi yang disimpan di muzium ini adalah dokumen, alat muzik, wang lama, gambar dan banyak lagi.

: 42, Jalan Ibrahim, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

: 150 M from city





## Johor Ancient Temple

Dibina pada abad ke-19, bangunan tempat ibadat ini melambangkan kesatuan 5 dialek atau etnik cina, iaitu "Teochew", "Hokkien", "Kanton", "Hakka" dan "Hainan". Terletak di pusat bandar, bangunan ini dikatakan berusia kira-kira 130 tahun menjadikannnya salah satu bangunan tertua di Johor.

: Lot 653, Jalan Trus, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

: 1.2KM from city









## The Church of Immaculate Conception

Geraja Katolik Rome ini merupakan gereja tertua di Johor Bahru. Katedral ini merupakan pusat berdoa bagi kouniti Katolik. Gereja ini dibina pada tahun 1883 untuk didedikasikan kepada Our Lady of Lourde.

: 9, Jalan Gereja, 80100 Johor Bahru, Johor.

: 2.2KM from city









## Stadium Sultan Ibrahim

Stadium Sultan Ibrahim merupakan stadium bola sepak bagi pasukan kelab bola Johor Darul Ta'zim (JDT) yang terletak di Iskandar Puteri, Johor Bahru. Stadium ini dinamakan sebagai penghormatan kepada Sultan Negeri Johor iaitu Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Stadium ini terletak dalam 140,000 meter persegi dengan jumlah kawasan yang dibina sebanyak 70,000 meter persegi dan boleh menampung sehingga 40,000 penonton.

: JDT HQ, Sultan Ibrahim Stadium, 79200, Iskandar Puteri, Johor

: 23 KM from city


















Yayasan Warisan Johor
*Memelihara Warisan Budaya*

## Yayasan Warisan Johor

Yayasan Warisan Johor (YWJ) ditubuhkan bagi memelihara dan memperjuangkan warisan kerajaan negeri Johor. Terletak berhampiran Dataran Bandaraya Johor Bahru, YWJ menyediakan beberapa galeri tentang kesenian dan warisan Johor yang masih terpelihara sehingga kini.

:Jalan Sungai Chat, Sri Gelam, 80100 Johor Bahru, Johor
: 07-221 3148
: 4 KM from city



# Aktiviti & Rekreasi








## Legoland Malaysia

Satu-satunya di Asia, taman tema ini terbahagi kepada Legoland Park, Legoland Waterpark dan Sea Life. Terdapat lebih daripada 40 permainan dan pertunjukan yang disediakan. Selain berhibur, pengunjung berpeluang belajar mengenali kehidupan marin di Sea Life, yang menempatkan 13,000 hidupan akuatik daripada 120 spesies berbeza.

:7 Jalan LEGOLAND, Bandar Medini Iskandar Malaysia, 79250 Iskandar Puteri (Nusajaya), Johor.
: 07 597 8888
: 21 KM from city











## Austin Heights Water Park

Sebuah taman tema yang kompak dengan keseronokan dan cabaran. Selain taman tema air, pengunjung juga boleh mencabar diri dengan permainan-permainan halangan bertali seperti Zip Line, Pirate Crossing, Rope Trapeze dan pelbagai lagi di Austin Heights Water Park ini. Selain itu, aktiviti meluncur ais, permainan Go-Kart, dan Jump Street juga turut disediakan.

:71, Jalan Austin Heights 8/1, Taman Mount Austin, 81100 Johor Bahru, Johor

: 019-716 3183

: 14.7KM from city





Bagi yang mahukan lonjakan adrenalin, pelbagai aktiviti berpasukan dapat dilakukan di Iskandar Puteri. Antara aktiviti yang disediakan adalah seperti Paintball, Laser Tag Battle & Gellball Wargames.

Aktiviti seperti Trampoline Wipeout, Ninja Obstacle Course, Wall Climbing, Zip Line dan Spider Web bakal menguji ketahanan fizikal pengunjung. Terdapat juga aktiviti-aktiviti lain seperti Dodge Ball, Electric Go-Kart dan Basketball disediakan di sekitar Iskandar Puteri.






## Xpark Sunway Iskandar

:Jalan Medini Selatan 2 Medini Zone F, Bandar Medini Iskandar, 79250 Nusajaya, Johor

: 012-426 6913

: 24.6 KM from city






## Blueice Skating Rink

:3F-30 Paradigm Mall Johor, Jalan Bertingkat Skudai, 81200 Skudai,Johor Bahru Johor

: 011-6230 0366

: 17.6 KM from city








## Tunku Mahkota Ismail Youth Centre

: Ulu Air Molek, 80200 Johor Bahru, Johor

: 4.7 KM from city




















## Lapo Cafe

: 48, Jalan Inderaputra, Stulang Darat, 80300 Johor Bahru, Johor

: 01159565046 : 2.4 KM from city








## Wadihana Steakhouse

: 36-02, Jalan Aliff 3, Taman Damansara Aliff, 81200 Johor Bahru, Johor

: 013-733 3280

: 11.7 KM from city



# Tempat Makan








## Banafee Village

: 9022, Jalan Dato Abdullah Tahir, Taman Abad, 80300 Johor Bahru, Johor

: 07-333 3377

: 6.2KM from city







## Carabao Restaurant

: 16, Jalan Dato Abdullah Tahir, Taman Abad, 80300 Johor Bahru, Johor

: 3.4 KM from city

: 07-227 7222






## Kacang Pool Haji

: Jalan Sabar, Taman Dato Onn, 80350 Johor Bahru, Johor

: 013-737 7997

: 4.9KM from city

## D' Shang Hai Chinese Restaurant

**non-halal**



: G-56, Jalan Permas 15/1, Bandar Baru Permas Jaya, 81750 Masai, Johor, Malaysia.

: 07-3823102 ····► 13.2KM from city



## Restoran Hua Mui

**pork free**

: 131 Jalan Trus Johor Bahru 80000 Malaysia

: 07 - 2247364 ····► : 0.7 KM from city

## Restaurant Ah Koong



**non-halal**

: 236-266, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru, Johor, Malaysia

: 07-3313621 ····► : 6 KM from city



## 7 Spice Indian Cuisine




**pork free**

: G-01, Block 5, Jalan Bertingkat Skudai, Danga Bay, 80200 Johor Bahru, Johor

: 07-235 6969

····► : 8 KM from city



## Yash South Indian Cuisine

**pork free**

: No 4D, Susur 3, Jalan Tun Abdul Razak, 80250 Johor Bahru, Johor

: 07-221 3290

····► : 3.5 KM from city





# Penginapan

Pengunjung yang berhasrat ke Johor Bahru semestinya tidak perlu risau tentang kemudahan penginapan kerana terdapat pelbagai pilihan hotel dan homestay yang mudah diakses di sekitar Johor Bahru.











## Legoland Malaysia Resort

Terletak di Taman Tema Legoland, hotel ini menyediakan pelbagai konsep dekorasi daripada permainan lego. Alami pengalaman yang unik dan menakjubkan semasa menginap di Legoland Hotel bersama teman dan keluarga.

: No 7, Persiaran Medini Utara 3, Bandar, 79250 Johor Bahru, Johor

: 07-597 8888

····► : 21.1KM from city










## Renaissance Hotel

Renaissance Hotel merupakan antara hotel bertaraf lima bintang yang ada di sekitar Johor Bahru. Hotel mewah ini menepati citarasa mereka yang menginginkan keselesaan dan ketenangan.

: 2, Jalan Permas 11, Bandar Baru Permas Jaya, 81750 Johor Bahru, Johor

: 07-381 3333

: 11.1KM from city

## Pinetree Marina Resort

Hotel serba elegan yang terletak di Nusajaya ini menyediakan kemudahan yang lengkap dan selesa buat pengunjung.

: Jalan Persiaran Tanjung, Pengkalan Puteri, 79100 Nusajaya, Johor

: 07-266 8288

: 23.6 KM from city












## Pulai Springs Resort

Sebuah hotel yang berkonsep moden dan elegan, dengan penggunaan warnanya yang tampak mewah, penginapan pengunjung sekeluarga di sini pasti terasa cukup eksklusif.

: 20km, Jalan Pontian Lama, 81110 Johor Bahru, Johor

: 07-521 2121

: 23.1KM from city













## Thistle Hotel

Thistle Hotel Johor Bahru terletak hanya 500 meter dari Dataran Bandaraya Johor Bahru. Di hotel ini, pengunjung dapat menikmati pemandangan sekitar bandaraya Johor Bahru, Selat Tebrau dan Singapura.

: Jalan Sungai Chat, Sri Gelam, 80100 Johor Bahru, Johor

: 07-222 9234

: 4.4 KM from city



# Pusat Beli Belah

Johor turut dikenali dengan pusat beli-belah yang memiliki pelbagai konsep dan keunikan tersendiri.

Antara pusat beli-belah yang terkenal di Johor Bahru adalah seperti Johor Bahru City Square Shopping Mall, KOMTAR JBCC, AEON Mall Tebrau City, Toppen Pusat Beli-belah, Plaza Pelangi Mall, Sutera Mall, AEON Mall Bukit Indah dan Pasar Karat Johor Bahru (Bazar JB).




## Plaza Angsana Johor Bahru

: Angsana Johor Bahru Mall,81200 Johor Bahru, 81200 Johor Bahru, Johor

: 010-800 3051

: 10 KM from city


















## Toppen Pusat Beli-belah

: Toppen Pusat Beli-belah, No. 33A, Jalan Harmonium, Taman Desa Tebrau, 81100 Johor Bahru, Johor

: 07-277 3188

: 14 KM from city




## Johor Bahru City Square

: 106, 108, Jalan Wong Ah Fook, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

: 07-226 3668

: 1 KM from city




## KSL City Mall

: 33, Jalan Seladang, Taman Abad, 80250 Johor Bahru, Johor

: 07-288 2888

: 4 KM from city




## AEON Mall Tebrau City

: Aeon Tebrau City Pusat Beli-belah, 3, Persiaran Desa Tebrau, Taman Desa Tebrau, 81100 Johor Bahru, Johor

: 07-352 2220

: 16 KM from city

## IKEA Tebrau

: 33, Jalan Harmonium, Taman Desa Tebrau, 81100 Johor Bahru, Johor

: 03-7952 7575

: 14.2 KM from city









## The Mall Mid Valley South Key

: 1, Persiaran Southkey 1, Southkey, 80150 Johor Bahru, Johor

: 07-336 9288

: 7.4 KM from city









## Paradigm Mall Johor Bahru

: Paradigm Mall, Jalan Bertingkat Skudai, 81200, Johor

: 07-231 3888

: 17.5 KM from city










# MUAR

Dikenali sebagai Bandar Maharani, Muar telah diisytiharkan sebagai Bandar Diraja pada 2012. Perkataan 'Muar' dipercayai berasal daripada perkataan muara. Nama Muar berasal daripada perkataan hindu iaitu 'Muna' dan 'Ar' yang masing-masing bermaksud Tiga dan Sungai, menggambarkan kewujudan Sungai Muar yang mengalir melalui bandar ini yang juga merupakan sungai terpanjang di Johor. Masyhur sebagai tempat lahir kebudayaan dan kesenian seperti tarian zapin, ghazal dan muzik tradisional, Muar menyimpan rakaman-rakaman catatan sejarah, tarikan keindahan dan keunikan hasil bumi juga syurga makanan yang mesra citarasa. Diiktiraf sebagai Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN pada 2018, daerah Muar sentiasa menjanjikan pengalaman pelancongan yang serba lengkap.










## Laman Mahkota Muar

: Bandar Muar, 84000 Muar, Johor

: 1 KM from city



## Masjid Jamek Sultan Ibrahim

Masjid Sultan Ibrahim ini terletak berdekatan dengan muara Sungai Muar. Merupakan masjid tertua di Muar. Seni bina masjid ini menggabungkan eleman Barat dan Timur Tengah.

:Jalan Petri, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor.

: 019-762 6019

: 1.7KM from city

















## Dataran Tanjung Emas

Dataran Tanjung Emas Park ini terletak di Tanjung Emas, iaitu di muara Sungai Muar. Telah dibangunkan oleh Majlis Perbandaran Muar sebagai sebuah lokasi rekreasi serta riadah untuk penduduk setempat, dataran ini juga dihiasi dengan monumen jam besar sebagai tarikan utama.

:Taman Sri Tanjung,
84000 Muar, Johor.

: 2.3KM from city





## Bangunan Lama Jalan Abdullah

Deretan bangunan yang dibina sebelum Perang Dunia 2 masih kekal utuh sehingga hari ini. Bangunan ini menempatkan kedai-kedai di sepanjang Jalan Abdullah yang juga dikenali sebagai pusat dagangan Muar. Bangunan warisan yang ulung antara lain adalah Bangunan Sultan Abu Bakar (siap-1929) yang menempatkan pejabat-pejabat pentadbiran Daerah Muar dan Bangunan Kastam (siap-1909). Umur bangunan-bangunan lama tersebut mudah untuk dikenalpasti kerana tarikh ianya disiapkan (1930an -1950an) tertera di bahagian luar bangunan.

Bangunan ini adalah warisan yang tidak ternilai bagi menggambarkan kemakmuran Muar di masa lampau dan menghargai keunikannya akan membuatkan mereka yang pernah dibesarkan di Muar terkenang kembali kenangan di zaman silam.



: Jalan Meriam, Bandar Muar,
84000 Muar, Johor.

: 017-889 5899

: 550 M from city





# Tempat - Tempat Menarik



## Maharani Mural Lane

Maharani Mural Lane terletak di Jalan Sisi ini merupakan sebuah lokasi yang harus dilawati di daerah Muar. Ianya menjadi lokasi pertama di Malaysia yang menggunakan teknologi "Augmented Reality" melalui lukisan mural pada tahun 2019. Selain mengagumi keindahan hasil karya kreatif dan bergambar, boleh juga singgah di kedai-kedai makan yang ada berhampiran kawasan ini.

: Bandar Muar,
84000 Muar, Johor.

: 450 M from city







## Muar Cultural Walk

Terletak di Jalan Meriam, Muar, Muar Cultural Walk merupakan salah satu tempat lokasi utama projek mural jalanan di Muar, di samping Great Mural of Muar di Jalan Arab. Seni jalanan yang luar biasa menghiasi dinding-dinding sepanjang lorong ini.

: Jalan Meriam, Muar,
84000 Muar, Johor.

: 017-889 5899

: 450M from city




## Muar Art Gallery

Sebuah ruang seni, kedai, dan pusat makanan yang mempamerkan hasil-hasil seni perabot menggunakan rotan. Makanan istimewa daerah Muar juga boleh didapati di sini.

: 66-1, Jalan Hang Tuah, Taman Junid Perdana,
84000 Muar, Johor.

: 012-703 3789

: 2.4KM from city






## Muar River Cruise

Muar River Cruise menyajikan anda dengan pemandangan bandar Muar melalui jalan air. Pengunjung akan diterangkan tentang pembangunan dan juga sejarah bandar Muar.

: Pos 213 Lot 1452, Jalan Temenggong Ahmad,
Parit Besar, 84000 Muar, Johor.

: 019-6658827

: 1.0 KM from city







# HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH

: SPK Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh, Johor

: 06-974 2588

: 25.8KM from city




## Hab Pendidikan Tinggi Pagoh

Bandar Universiti Pagoh adalah merupakan sebuah projek pembangunan bandar pertama di Malaysia seluas 4,081.58 ekar (4,082 ekar) yang dilengkapi dengan kawasan hab pendidikan tinggi dalam Daerah Muar, Johor, Malaysia.

Perbandaran ini terletak di persimpangan Pertukaran Pagoh di Lebuhraya Utara-Selatan, hanya 20 minit dari Bandar DiRaja Muar, Johor. Bandar Universiti Pagoh akan menjadi mercu tanda sebagai hab pendidikan tinggi.




## Senarai Universiti Awam dan Politeknik

- **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** (Pusat Penyelidikan)
- **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)** (Kampus Selatan)
- **Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)** (Kampus Pagoh)
- **Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)**






## Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Pusat Penyelidikan)

: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Pagoh, Jalan Edu Hub UTM 2, Hub Pendidikan Tinggi, 84600 Pagoh, Johor

: 06-974 2888

: 24.6 KM from city



## Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM - Kampus Selatan)

: Edu Hub Pagoh, Pagoh, 84600 Muar, Johor

: 06-974 2601

: 27.9KM from city




## Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) (Kampus Pagoh)

: Jorak, 84500 Bukit Pasir, Johor

: 06-974 2001

: 70.9KM from city




## Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)

: 1 Jalan Panchor, Panchor, 84600 Pagoh, Johor

: 06-974 2288

: 27.1KM from city





# Aktiviti & Rekreasi




## Pantai Leka, Parit Jawa

Pantai Leka merupakan sebuah pantai dan juga sebuah tempat perlindungan atau persinggahan hampir 44 spesies burung. Pengunjung dapat menikmati panorama indah sambil beriadah di taman rekreasi yang disediakan.

: Pantai Leka, 84150 Parit Jawa, Johor

: 10 KM from city





## Kolam Air Panas, Sungai Gersik

Terletak di antara Parit Jawa dan Batu Pahat, kolam air panas semula jadi ini menyediakan kemudahan yang serba lengkap kepada pengunjung.

: Jalan Kolam Air Panas, Kampung Gersik, 83610, Johor

: 29 KM from city










# Tempat Makan

Muar cukup terkenal dengan makanan yang lazat, unik dan istimewa. Nikmati keaslian masakan asam pedas, mi bandung Muar dan sate di sini.




### Burger D'Raje

: Jalan Parit Raja Tengah, Jalan Parit Raja, 84000 Muar, Johor.

: 017-626 284

: 6.2KM from city



### Cendol De' Raja

: 207, Jalan Meriam, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor.

: 017-626 2841

: 1.0KM from city



### Restoran Mee Bandung Abu Bakar Hanipah

: Jalan Abdullah, Bandar Muar, 84000 Muar, Johor.

: 012-264 2720

: 700M from city







### Kopi 434 Muar

: 121, Jalan Maharani, Taman Sri Emas, 84000 Muar, Johor.

: 06-951 3046 : 1.1KM from city





### Restoran Ogs

: 186-1 Lorong Serkam 2, Jalan Mohd Said Tahir (158.38 km) 84000 Muar, Johor, Malaysia

: 016-663 5258 : 1.3KM from city





### Muar Soup House

: 47, Jalan Sisi, Bandar Muar, 84000 Muar, Johor.

: 016-665 5786

: 800M from city






## Muar Historia Rabbit Home

: 68, Jalan Sisi, bandar Muar, 84000 Muar, Johor

: 06-954 5000

: 2 KM from city





## R & H Cafe (Satay Maharani)

: 15, Jalan Seri Temenggong
26/1, Taman Sri Temenggong,
84000 Muar, Johor

: 018-215 2794

: 700 M from city








## Medan Ikan Bakar Sabak Awor

: Medan Selera, Jalan Cahaya, Sabak Awor,
84000 Muar, Johor

: 4 KM from city








# Penginapan

## Oasis Bay Eco Resort

Oasis Bay terletak di sudut kecil Sungai Terap, Muar yang dikelilingi oleh kebun tropika, hutan bakau dan sungai yang indah. Selain daripada pusat penginapan, terdapat pelbagai aktiviti dan program boleh dilakukan di sini seperti kem motivasi, seminar, merentas hutan, flying fox dan pelbagai aktiviti sukan. Kemudahan fasiliti yang lengkap seperti dewan serbaguna, taman permainand dan bilik karaoke akan membuat percutian pengunjung lebih menyeronokkan.

: 84300 Muar, Johor, Malaysia
Lot 3522,Jalan Kampung Tanjung Selabu,
Mukim Sungai Raya

: 06-985 8500

: 13.1KM from city

















## MUO Boutique

Terletak di Pusat Bandar Muar, Muo Boutique Hotel adalah tempat permulaan yang tepat untuk menjelajahi Muar. Tempat penginapan ini mempunyai pelbagai kemudahan yang pengunjung perlukan. Sebuah hotel yang berkonsep moden dan elegan, dengan penggunaan warnanya yang tampak mewah, penginapan anda sekeluarga di sini akan terasa cukup eksklusif.

: 1, Jalan Petri, 84000 Muar, Johor

: 06-9520000

: 1.2 KM from city




























## Desa Keroma Eco Resort

Seni bina rumahnya yang cantik dan kecil molek, tetap menjanjikan keselesaan buat pengunjung. Ditambah pula dengan lokasi yang jauh dari kota, pasti akan memberikan ketenangan untuk pengunjung berehat bersama yang tersayang di sini.

: Jalan Junid, Parit Keroma Laut, 84000 Muar, Johor.

: 016-674 1793

: 5.8 KM from city


























## Homestay Parit Bugis

Homestay ini menawarkan pakej-pakej menarik yang bakal memberikan pengunjung suasana kampung yang sebenar. Pengunjung juga berpeluang melihat penduduk kampung menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pembuatan tempe, gula Melaka, kuih bahulu, kraftangan dan sebagainya.

: No 171, Parit No4, Jalan Yusif,83600 Semerah, Batu Pahat Johor.

: 013-7744244

: 5.8KM dari pusat




## PPT Container Hotel Muar

PPT Container Hotel Muar merupakan hotel yang pertama di Malaysia memperkenalkan konsep kontena 3 tingkat. Rekaan dekorasi luarannya menarik, dan pasti akan membuat anda berasa kagum. Ciri 'industrial' pada rekaan luarannya tidak mempengaruhi ruangan bilik-bilik di sini yang masih memberikan anda keselesaan. Harganya pula berpatutan, memang berbaloi sebagai penginapan ideal.

: Jalan Bakri, Taman Orkid, 84000 Muar, Johor.

: 06-953 9999

: 2.0KM from city







## Sabak Awor Resort

: Sabak Awor Resort 9094 Jalan Bakariah, 84000 Muar town, Johor.

: 06-954 1345

: 4.5KM from city








## Tanjung Villa

: 222, Jalan Meriam, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor.

: 012-679 4789

: 1.8KM from city














## Desastay Santai D'Sawah

: Kampung Parit Bali, 83600 Semerah, Johor

: 013-721 2708

: 40 KM from city






## The Wood Boutique Hotel

: 37-3, Lorong Haji Ibrahim, Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor.

: 010-396 7678

: 1.2KM from city










## Classic Hotel Muar

: No 69, Jalan Ali, Bandar Muar, 84000 Muar, Johor

: 06-954 7000

: 4 KM from city













## Hotel Zamburger Muar

Hotel Zamburger Muar menawarkan penginapan yang serba lengkap untuk seisi keluarga. Terletak tidak jauh from city Muar, hotel ini bertemakan rekaan rumah melayu klasik dengan ukiran kayu-kayu yang cantik dan unik.

: 4096, Jalan Kenangan 1/3, 84000 Muar, Johor

: 017-788 2795

: 5 KM from city













## Trata' Leka Homestay Resort

: Lot 3554, Kampung Nelayan, Benteng, Pantai Leka, Parit Jawa, Muar.

: 010-396 7678

: 14.3KM from city



**Selain itu, penginapan-penginapan lain yang terdapat di Muar adalah:**

| NO | HOTEL | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Mye Hotel | 10, Jalan Pintasan, Pintasan Muar, 84000 Muar, Johor | 012-206 7118 |
| 2 | The Grace Hotel | 1998, Jalan Pesta 2, Kampung Kenangan Tun Dr Ismail 1, 84000 Muar, Johor | 06-955 5585 |
| 3 | OYO 756 Muar City Hotel | 2, Jalan Plaza, Pintasan Muar, Taman Maharani Promenade, 84000 Muar, Johor | 07-268 7419 |
| 4 | BEI Boutique Hotel Muar | 8-3, Jalan Abdul Rahman, Kampung Dato Bentara Dalam, 84000 Muar, Johor | 06-952 8100 |
| 5 | Muar Traders Hotel | No. 16, Pusat Perdagangan Muar, Jalan Peteri, 84000, Muar, Johor | 06-953 8100 |
| 6 | MUO Boutique Hotel | 1 Jalan Petri, 84000 Muar, Johor | 06-952 0000 |
| 7 | Town View Hotel Muar | 60, Jalan Sisi, Bandar Muar, 84000 Muar, Johor | 06-951 1788 |
| 8 | Streetview Hotel Muar | No 11&13, Jalan Ali, Bandar Muar, 84000 Muar, Johor | 06-953 7088 |

# Pusat Beli-belah

Pelbagai juadah makanan dan barangan, untuk dinikmati dan dipilih di Uptown Maharani. Terdapat juga mural yang melakari hampir setiap bangunan di sekelilingnya.











## Uptown Maharani

: Jalan Sisi,84000 Muar Johor

: 750M from city












## Wetex Parade

Wetex Parade merupakan gedung beli-belah utama di Muar. Terdapat pelbagai barangan dan pakaian berjenama, barangan kelengkapan rumah, pusat hiburan keluarga, tempat makan dan sebagainya.

69, Jalan Ali,84000 Muar

: 06-9544848

: 400 M from city



























## TEMPAT MENARIK

1. Ladang Nanas, Kg Parit Tengah
2. Old Street Commercial Centre
3. Dataran Penggaram
4. Pantai Minyak Beku
5. Pantai Sungai Lurus
6. Bulatan Simpang Rantai

## RANCANG PERCUTIAN ANDA

**Dapatkan Pakej Percutian:** Dapatkan percutian yang padat dengan aktiviti. Dilengkapi dengan makanan enak, tempat menarik dan penginapan. Alami siang dan malam yang penuh dengan keseronokan. Terdapat pelbagai pakej percutian ditawarkan pasti menarik minat anda.

**Barang Persediaan:** Bawa bersama anda pakaian sekurang-kurangnya untuk lima hari. Serta pakaian santai untuk anda bergambar di lokasi-lokasi yang menarik. Pastikan anda membawa kasut yang selesa dan pakaian mandi bagi mereka yang ingin bermain air.

AR

OPEN JT APP

SCAN THIS PAGE WITH YOUR PHONE

"Find out the HIDDEN GEMS behind the screen"



# BATU PAHAT

Nama Batu Pahat dikatakan muncul daripada peristiwa angkatan tentera Siam memahat batu untuk mendapatkan bekalan air tawar di pantai Minyak Beku pada abad ke-15 sewaktu hendak menyerang Melaka. Kesan pahatan tersebut masih kekal dan dikenali sebagai Perigi Siam atau Perigi Batu Pahat. Terkenal kerana ikan masin pada suatu ketika dahulu, Batu Pahat sebelum ini dikenali sebagai 'Bandar Penggaram' yang bermaksud 'bandar pembuat garam'. Selain menempatkan banyak persekitaran perkampungan desa dan kebun serta rakyat yang ramah tamah, Batu Pahat juga memiliki banyak lokasi pantai dan tempat istirahat yang meneduh pandangan. Tidak hanya kaya dengan kepelbagaian lokasi menarik, Batu Pahat turut mempunyai reputasi sebagai 'syurga membeli-belah di Johor Utara' dan pengeksport produk seramik terbesar di Malaysia.



Tidak hanya kaya dengan kepelbagaian lokasi menarik dan tempat makan istimewa, bandar raya Batu Pahat turut mempunyai reputasi sebagai 'Syurga Membeli-Belah di Johor Utara' dan pengeksport produk seramik terbesar di Malaysia.

## Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail

: Jalan Bakau Chondong, 83000 Batu Pahat,Johor.

: 2 KM from city










## Dataran Penggaram

Dataran Penggaram merupakan tarikan utama di Batu Pahat. Kerap kali menjadi tapak pelancaran aktiviti dan festival setempat menjadikan suasana di sini serba meriah.

Di sini juga tersergam Tugu Batu Pahat yang menjadi mercu tanda daerah ini.

:Jalan Rahmat, Kampung Bahagia, 83000 Batu Pahat, Johor

: 0.5 KM from city daerah




## Bulatan Simpang Rantau

Berada di titik pertemuan tiga cabang jalan utama iaitu Jalan Rahmat, Jalan Tanjung Laboh dan Jalan Kluang, Bulatan Simpang Rantai merupakan salah satu mercu tanda buat daerah Batu Pahat. Bulatan ini turut mempunyai kisah lagendanya yang tersendiri.

Terdapat sebatang pokok Ara besar yang telah diwartakan sebagai pokok warisan. Pokok ini berdiri teguh di sini walaupun terdapat usaha untuk menebangnya semasa projek menaik taraf bulatan dijalankan suatu masa dahulu.

: Kampung Bahagia, Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat, Johor

: 0.6 KM from city



# Tempat-Tempat Menarik

## Old Street Commercial Centre

Telahpun menjadi salah sebuah mercu tanda di Batu Pahat, pusat komersial Old Street adalah sebuah bangunan putih yang tersergam indah, terletak di Jalan Parit Besar, Batu Pahat.

Tarikan utamanya berada di bahagian atas bumbung bangunan ini. Terdapat sebuah taman yang dihias cantik yang diberi nama Sky Garden Old Street.

: Jalan Parit Besar, 83000 Batu Pahat, Johor

: 4 KM from city














## Ladang Nanas Kampung Parit Tengah

Ladang nanas ini berada di Kampung Parit Tengah. Ianya merupakan ladang nanas yang terbesar di Asia Tenggara dan juga yang ketujuh terbesar di dunia.

Kawasannya yang luas diserikan pula dengan pemandangan cantik, amat sesuai untuk kunjungan pelancong. Antara jenis nanas popular yang boleh didapati di sini adalah dari jenis Josaphine dan juga Morris.

: Jalan Kampung Parit Tengah, Kampung Parit Tengah, 83100 Rengit, Johor

: 42 KM from city




## Bandar Seramik Ayer Hitam

Ayer Hitam yang digelar Bandar Seramik adalah sebuah bandar di daerah Batu Pahat, Johor. Selain daripada menjadi pusat pengeluaran seramik terbesar di Malaysia, Bandar Ayer Hitam ini juga menyediakan pelbagai produk IKS seperti barangan kraftangan, kerepek, alat permainan kanak- kanak dan pelbagai lagi.

: Bandar Ayer Hitam, 86100 Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor

: 32 KM from city









# Aktiviti & Rekreasi



## Taman Rekreasi Y

Taman Rekreasi Y adalah taman tasik yang terletak berdekatan dengan Dataran Penggaram & Tugu Batu Pahat.

Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan. Bagi mereka yang sukakan senaman, tempat ini sangat sesuai untuk melakukan aktiviti riadah dan bersenam.

: Jalan Sejati, Kampung Bahagia, 83000 Batu Pahat, Johor

: 1 KM from city




## Pantai Minyak Beku

Pantai Minyak Beku, Batu Pahat, Johor tidak asing lagi bagi penduduk di sekitar daerah tersebut kerana pemandangan pantainya yang indah lebih-lebih lagi apabila tiba waktu matahari terbenam. Pantai ini juga menjadi lokasi tumpuan untuk pemancing kerana banyak kemudahan yang disediakan di kawasan sekitar Pantai Minyak Beku.

: Jalan Minyak Beku, 83000 Batu Pahat, Johor

: 10 KM from city



## Pantai Punggur

Pantai rekreasi ini sering menjadi tempat kunjungan penduduk tempatan yang ingin mendapatkan ikan segar terus daripada nelayan. Turut dijual di sini adalah makanan laut seperti belangkas, lokan, siput sedut dan sebagainya.

: Jalan Kampung Punggur Laut Timur, 83100 Senggarang, Johor, Malaysia.

: 31 KM from city





## Pantai Sungai Lurus

Kontena berwarna warni yang merupakan bangunan kedai-kedai menjual makanan adalah tarikan utama di sini. Antara pilihan-pilihan makanan yang terdapat di sini adalah seperti steamboat, masakan panas, asam pedas dan lain-lain. Terdapat juga deretan kedai lain di sepanjang kawasan pantai ini yang menjual makanan seperti kerang bakar sambal, sate, masakan belangkas dan sebagainya.

: Pantai Sungai Lurus, 32000 Senggarang, Johor

: 21 KM from city







## Pantai Teluk Wawasan

: Parit Haji Salam, 32000 Batu Pahat, Johor

: 10 KM from city





## Batu Pahat Pump Track

'Pump Track' merupakan satu litar basikal khusus untuk aktiviti sukan basikal lasak yang ada di Batu Pahat. Litar ini terletak berdekatan dengan Dataran Penggaram. Terdapat juga 'skate park' yang terletak bersebelahan dengan 'Pump Track' ini.

: 10, Jalan Ampuan, Taman Pantai, 83000 Batu Pahat, Johor

: 1 KM from city



# Tempat Makan



## Leypark Bistro (Barokah Sri Village)

Restoran ini memang sesuai buat pengunjung yang ingin bersantai dan menikmati makanan enak bersama keluarga atau rakan-rakan. Persembahan daripada pemuzik akan turut menghiburkan pengunjung sewaktu makan. Rata-rata pengunjung yang datang ke sini memilih makanan barat sebagai pilihan.

(T/L JKB 316) PT Karjo, 86400 Parit Raja, Johor

: 013-747 8458

: 17 KM from city

## Kafe Kiri Kanan

Kafe ini sudah sememangnya terkenal dalam kalangan penduduk setempat. Menu paling popular adalah 'Kopi C' yang sering mendapat pujian daripada pelanggan yang pernah berkunjung di sini.

Dekorasi dalaman kedai juga memberikan suasana klasik dan muzik latar yang sentiasa dimainkan pasti membuatkan pengunjung berasa tenang.

: No 92, Jalan Rahmat 83000 Batu Pahat

: 012-7156001

: 0.1 KM from city







## Kelab Kopi

Penggemar kopi pasti akan menyukai Kelab Kopi. Biji kopi yang digunakan di sini menggunakan biji kopi jenis Arabica premium yang diimport dari luar negara. Meskipun menggunakan bahan yang diimport, harga minuman di sini masih berpatutan.

: 21, Jalan Flora Utama 1, Taman Flora Utama 83000 Batu Pahat, Johor

: 07-431 2328

: 4.5 KM from city




## Mee Udang Naz's Corners

: Kampung Jorak Elahi, 83000 Batu Pahat, Johor

: 07-431 2328

: 4.5 KM from city



## Sanggar Bistro

17A, Jalan Universiti 6, Taman Universiti Parit Raja, 86400 Batu Pahat

: 013-701 2393

: 31 KM from city Batu Pahat



## Dragon Gate Batu Pahat

non-halal

: 33, Jalan Flora Utama 6, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat, Johor

: 019 – 762 5666

: 5.2KM from city







## Gabak Kopi Rumah Usang

Kafe yang terletak tidak jauh from city Batu Pahat ini sememangnya membawa keunikan persekitarannya yang tersendiri. Selain menyediakan menu masakan melayu dan barat, Gabak Kopi Rumah Usang ini terkenal dengan hidangan pelbagai jenis kopi yang cukup menyelerakan.

: 3, Jalan Zamrud 1, Taman Dagang 83000 Batu Pahat, Johor

: 012-726 4354

: 1.8 KM from city Batu Pahat



# Penginapan



## Katrina Hotel

Hotel bertaraf 4 bintang ini terletak di tengah-tengah Bandar Batu Pahat dan berbaloi buat pengunjung yang inginkan penginapan berdekatan dengan pusat bandar. Hiasan lobinya pula cukup menarik, dengan membawa tema istana Eropah dan hiasan lampu chandelier yang memukau.

:No 8, Jalan Zabedah, Kampung Pengawal, 83000 Batu Pahat, Johor.

: 07-433 7111

: 1.5 KM from city Batu Pahat







## Summit Signature Hotel

Dekorasi dalamannya yang unik pasti membuatkan pengunjung tertarik. Selain terletak berdekatan dengan kedai-kedai makanan yang popular, ia turut mempunyai ruang meletak kereta yang cukup luas. Terletak di tengah bandar Batu Pahat, mudah bagi pengunjung untuk pergi ke mana-mana dari lokasi hotel ini.

:No 88, Jalan Bakau Condong, 83000 Batu Pahat, Johor.

: 07- 432 2266

: 1.5 KM from city Batu Pahat








## Homestay Parit Tengah

: Kampung Parit Tengah, 83700 Batu Pahat, Johor.

: 07-433 7111

: 40 KM from city Batu Pahat





**Penginapan-penginapan lain yang terdapat di Batu Pahat adalah:**

| NO | HOTEL | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Piinetree Hotel | 36, Jalan Mengkudu, Taman Batu Pahat, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-431 9933 |
| 2 | Hotel Pintar | 2, Jalan Siswa Jaya 1, 86400 Parit Raja, Johor | 013-333 7800 |
| 3 | Hotel Remember | No. 18 & 19,, Jalan Maju Barat,, Taman Maju, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-433 1111 |
| 4 | 888 Boutique Hotel Batu Pahat | 33,34,35,36,37,38, Jalan Maju, Taman Maju, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-434 9999 |
| 5 | The Silver Inn Batu Pahat | 2, Jalan Fatimah, Kampung Pegawai, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-431 5122 |
| 6 | B&S Boutique Hotel | 8, Ground Floor, Plaza Lian Hoe, Jalan Abu Bakar, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-434 8000 |
| 7 | Maple Lodge | Jalan Tan Swee Hoe, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-431 0808 |
| 8 | Biz Hotel | 9, Jalan Maju, Taman Maju, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-438 5000 |
| 9 | Elegant Hotel Batu Pahat | 29,, Jalan Maju & Jalan Maju 1, Taman Maju, 83000 Batu Pahat, Johor | 07-434 3666 |
| 10 | Homestay Parit Bugis | No.171, Parit No.4 Jalan Yusof, Johor, 83600 Semerah Batu Pahat | 013-774 4244 |



# Pusat beli-belah

## Batu Pahat Mall

Batu Pahat Mall merupakan pusat beli-belah yang ikonik dan terbesar di daerah Batu Pahat. Batu Pahat Mall telah bertahan selama 14 tahun dan sentiasa konsisten menerima kunjungan pelancong.

: No 8, Jalan Zabedah, Kampung Pengawal, 83000 Batu Pahat, Johor.

: 07-432 4696

: 5 KM from city







## Square One Shopping Mall

Sebuah lagi pusat beli-belah yang terletak di lokasi yang strategik, iaitu di tengah Bandar Batu Pahat. Di sini, pengunjung boleh dapatkan barang keperluan harian, pakaian, hiburan, dan makanan. Di sekeliling kawasannya juga terdapat gedung menjual kain terkemuka seperti Jakel dan Gulatis.

: Taman Flora Utama, Jalan Persiaran Flora Utama, 83000

: 07- 432 7899

: 1.5 KM from city

## AEON Big Batu Pahat



: No 1B, Jalan Persiaran Flora Utama, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat.

: 1-300-80-2366

: 4.7 KM from city

## The Summit Batu Pahat



: 88, Jalan Bakau Condong, Kampung Pegawai 83000 Batu Pahat.

: 07-432 6222

: 2 KM from city

## Arena Warna Ayer Hitam

Segala-galanya di bawah satu bumbung. Kawasannya yang luas dan lapang akan memberikan pengunjung kemudahan sewaktu berbelanja. Medan selera di sini turut menjual semua jenis makanan tempatan. Pelbagai jenis barangan dijual di sini seperti produk seramik, kraftangan, kerepek dan pelbagai lagi.




: Jalan Bandar Baru, Pusat Bandar Ayer Hitam, 86100 Ayer Hitam

: 3 KM from city













## Tesco Parit Raja

Tesco Parit Raja terletak berdekatan dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Medan selera dan gerai-gerai makan juga turut disediakan.

: 1, Jalan Universiti, Taman Universiti, 86400 Parit Raja, Johor

: 1-344-13-1313

: 18.5 KM from city



# KOTA TINGGI



## Dataran Kota Tinggi

Monumen Dataran Jam Kota Tinggi ini direka dengan penerapan elemen kubu pertahanan bersempena sejarahnya. Dataran Jam Kota Tinggi sangat sinonim dengan penduduk tempatan kerana disini sering diadakan upacara sambutan bulan Kemerdekaan dan sambutan Tahun Baru.

: Jalan Tun Sri Lanang, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor.

: 0.5 KM from city

Dikenali sebagai 'Daerah Pelancongan Bersejarah', nama Kota Tinggi diguna pakai sempena pembinaan lapan buah kota pertahanan oleh sultan-sultan Johor sepanjang persisiran Sungai Johor, iaitu Kota Kara (1529), Kota Sayong (1536), Kota Batu (1540), Kota Seluyut (1564), Kota Batu Sawar (1587), Kota Touhid (1623), Kota Tinggi (1685), Kota Panchor (1716). Sejarawan tempatan bersetuju bahawa dengan mengambil nama sempena pembinaan 'Kota-kota' pertahanan yang semuanya terletak di 'Tanah Tinggi' itu membuatkan nama Kota Tinggi tersurat sebagai nama daerah ini sehingga sekarang. Tidak hanya kaya dengan khazanah sejarah, daerah ini turut dianugerahi dengan panorama alam semulajadi seperti air terjun, hutan lipur dan pantai-pantai yang mempersona.





# Tempat-Tempat Menarik

## Kampung Makam

Kampung Makam ini menempatkan pelbagai makam-makam penting dalam sejarah Johor dan lokasinya terletak tidak jauh dari pekan Kota Tinggi. Makam yang paling terkenal di sini dikenali sebagai makam Sultan Mahmud yang merupakan pemerintah Johor yang ke-10.

Tidak jauh dari makan Sultan Mahmud, terdapat kawasan perkuburan muslim yang menempatkan makam Tun Habab yang pernah menjadi Bendahara Johor suatu ketika dahulu. Selain makam Sultan Mahmud, makam Tauhid dan makam Dagang juga turut terkenal di Kampung Makam ini. Kawasan perkampungan ini telah pun wujud sejak tahun 1900 dan cukup terkenal dengan kisah-kisah sejarah Melayu.



Mengikut kepercayaan rakyat tempatan, terdapat sebuah kubur kecil yang dipercayai kubur 'Kucing Bertanduk'.



:Kampung Makam, 81900 Kota Tinggi Johor

: 2.2 KM from city



: Jalan Kampung Tembioh, Kampung Tembioh 81900 Kota Tinggi, Johor.

: 2 KM from city

## Makam Cik Siti Jalang

Kisah misteri dan kehebatan menyelubungi kehidupan Cik Siti yang dikatakan pernah berkahwin dengan 100 lelaki ketika hayatnya, tidak asing lagi dalam kalangan penduduk daerah ini.

Ditambah dengan wujudnya makam dipercayai kepunyaan Cik Siti yang nama sebenarnya Siti Aminah Tanah Mahsyur dekat Kampung Tembioh di sini, kira-kira dua kilometer from city ini, menguatkan lagi kisah legenda itu.

Cik Siti dikatakan hidup sekitar abad ke-17 iaitu sezaman dengan pemerintahan Sultan Mahmud Mangkat Di Julang.










## Muzium Kota Johor Lama

Muzium ini mempamerkan maklumat tentang sejarah Kota Johor Lama yang pernah menjadi pusat pentadbiran selepas kejatuhan Kesultanan Melaka pada tahun 1511. Ia terdiri daripada lima bahagian, seperti pengenalan Kota Johor Lama, raja-raja kerajaan, perdagangan dan peperangan, kubu di sepanjang Sungai Johor dan pelbagai kubur ekskavasi arkeologi yang dilakukan di Daerah Kota Tinggi.

: Kampung Johor Lama, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 36.4 KM from city

## Muzium Kota Tinggi

Muzium Kota Tinggi terletak 0.5 KM dari Bandar Kota Tinggi, berdekatan dengan persimpangan Jalan Mawai, Jalan ke Desaru dan Jalan Johor Bahru. Umumnya, Muzium Kota Tinggi ini mempamerkan empat fasa peristiwa mengikut urutan kronologi sejarah. Oleh itu tumpuan Muzium Kota Tinggi adalah pada sejarah Kesultanan Johor Lama, Institut Politik dan Sosioekonomi Daerah Kota Tinggi yang meliputi zaman kegemilangan Johor Lama ( 1529-1705 ) hingga ke zaman ini.

: Kampung Johor Lama, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 0.5 KM from city










## Muzium Nelayan

Muzium Nelayan Tanjung Balau dibina di Tanjung Balau oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora). Muzium ini menyimpan dan mempamerkan pelbagai khazanah para nelayan tradisional negeri Johor seperti sampan, jaring, pancing, bubu dan lain-lain. Kompleks muzium ini mempunyai 4 galeri tambahan lain iaitu Galeri Geologi, Galeri Keselamatan Laut, Galeri Kapal Karam Desaru dan Galeri Pameran Khas.

: Kompleks Pelancongan, Tanjung Balau, 81930 Kota Tinggi, Johor

: 50.2 KM from city



# Aktiviti dan Rekreasi

## Desaru Coast Adventure Water Park

Desaru Coast Adventure Waterpark merupakan taman tema terbesar di Malaysia. Dengan berkeluasan 21 ekar Desaru Coast menawarkan pelbagai jenis aktiviti, permainan dan water slides yang menyeronokkan.

: Adventure Waterpark Desaru Coast, No. 4, Jalan Danau, Desaru Coast, 81930 Bandar Penawar, Johor.

: 07-878 3863

: 53.4 KM from city












## Kota Tinggi Firefly Park

Di sini, pengunjung akan disajikan dengan keajaiban alam semula jadi. Di Kota Tinggi Firefly Park, pengunjung akan dibawa menyusuri sungai Kota Tinggi untuk menyaksikan kunang-kunang sambil menikmati keindahan di kawasan sekitarnya.

: Jalan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor.

: 017-460 7775

: 4.9 KM from city

## Desaru Fruit Farm

Untuk penduduk bandar yang ingin merasai pengalaman memetik buah-buahan segar terus dari ladang, ini adalah tempat yang paling sesuai untuk melakukan aktiviti tersebut. Pengunjung boleh merasai sendiri pengalaman menaiki ATV mengelilingi kawasan kebun buah. Di samping itu juga, Desaru Fruit Farm juga menyediakan aktiviti lain seperti paintball dan juga aktiviti 'high rope'.

: No. 1, Sungai Cemaran, Desaru 81900 Kota Tinggi, Johor.

: 012-772 1817

: 41.9 KM from city





## Air Terjun Kota Tinggi

Lokasi yang tidak asing lagi di daerah Kota Tinggi. Air terjunnya yang landai, luas dan bertingkat dengan aliran air yang bersih dan segar, dilengkapkan pula dengan persekitaran hijau yang rimbun, sentiasa menggamit pengunjung untuk kembali semula ke sini.

: Air Terjun Kota Tinggi 81900 Kota Tinggi, Johor

: 53.4 KM from city

| NO | TEMPAT | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Pusat Ternakan Dan Penetasan Belangkas Sedili Kechil | Pusat Ternakan Dan Penetasan Belangkas, Kampung Sedili Kechil, 81900 Kota Tinggi, Johor | - |
| 2 | Teluk Sengat Crocodile Farm | Teluk Sengat Crocodile Farm, Teluk Sengat, 81940 Kota Tinggi, Johor | 019-791 5116 |
| 3 | KOREF Desaru | Koref Desaru Leisure Farm, 81930 Kota Tinggi, Johor | 012-789 3149 |
| 4 | The Els Club Desaru Coast | No 4. Jalan Danau, Desaru Coast, 81930 Desaru, Johor. | 07-8780000 |
| 5 | Bujang Firefly | Restoran Terapung Seafood Bujang Firefly, Bandar Penawar, 81930 Bandar Penawar, Johor | 012-759 3468 |
| 6 | Ostrich Farm | Desaru Ostrich Farm, Jalan Telok Ramunia, Kampung Changi, 81600 Pengerang, Johor | 07-826 5846 |
| 7 | Ranorm Batik Creation | Ranorm Batik Creation, Tanjung Sedili, Kampung Singapura, Johor, 81910 Kota Tinggi | 017-794 9186 |
| 8 | Belukar Durian Wetlands , Sedili | Kompleks The Wetlands, Kampung Belukar Durian, Sedili Kecil, 81910, 81930 Kota Tinggi, Johor | 013-702 6327 |



# Tempat Penginapan




## Hard Rock Hotel Desaru Coast

Di hotel ini, pengunjung akan menikmati suasana hotel bertaraf lima bintang. Dengan menggunakan gabungan konsep budaya tempatan dan moden dalam hiasan dalaman mereka, pengunjung akan menikmati pengalaman yang mengujakan disamping melakukan aktiviti di taman tema air yang bersebelahan dengan hotel.

: Jalan Pantai 3, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-838 8888

: 52.4 KM from city

## Sea Harizon

Gabungan antara konsep glamping moden dan juga alam semula jadi menjadikan penginapan glamping di Sea Horizon memberikan pengalaman baru buat pengunjung. Nikmati detik-detik indah seperti menyaksikan panorama matahari terbit dan juga memerhati bintang ketika waktu malam.

: Lot 901, Kuala Sedili Besar, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 016-720 0399

: 52.4 KM from city












## WAN Family Kampung Stay

Homestay yang berkonsepkan ala kampung ini akan memberikan pengalaman yang unik kepada pengunjung. Pelbagai aktiviti desa seperti berkebun dan menguruskan ternakan dapat dilakukan di sini.

: LOT 3426, Jalan Sendayan, Jalan Kampung Baru, 81900 Kota Tinggi.

: 016-721 8378

: 9.5 KM from city

## Lotus Desaru Beach Resort & Spa



: Lot 1854, Jalan Desaru, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-884 2800

: 49.5 KM from city

## Tunamaya Beach & Spa Resort - Desaru Coast



: Desaru Coast, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-833 8888

: 50.3 KM from city

## Tiara Desaru Seaview Residence



: Jalan Tanjung Lompat, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 012-619 4522

: 52.8 km from city.

## Sand & Sandals Desaru Resort and Spa



: Jalan Desaru Desaru, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-822 2222

: 50 KM from city











## Anantara Desaru Coast Resort & Villas

: Persiaran Pantai, Desaru Coast, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-828 0888

: 54 KM from city

## One And Only Desaru Coast

: 90, Persiaran Damai, Desaru Coast Bandar Penawar, 81930, Johor

: 07-878 3400

: 56 KM from city







## The Westin Desaru Coast Resort

: Jalan Pantai 3, Desaru Coast, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 07-838 3333

: 53KM from city








| NO | TEMPAT | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Hotel Cascada | 41 , Jalan Kolam Air, Taman Medan Indah, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-880 1888 |
| 2 | Gest Inn Hotel | 30H, Jln Tun Sri Lanang, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 019-791 5116 |
| 3 | OYO 625 Kota Heritage Hotel | 11, Jalan Seri Warisan 1, Kota Heritage Commercial Centre, 81900 Kota Tinggi, Johor | 012-789 3149 |
| 4 | Mayres Hotel | Jalan Tun Habab, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-883 9099 |
| 5 | Kota Rainforest Resort | 4483, Jalan Lombong, 81900 Kota Tinggi, Johor | 019-755 0231 |
| 6 | Bin Khaled Hotel | No 41, 42 & 43, Jalan Niaga 14, Pusat Perdagangan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-883 4343 |
| 7 | Rest Inn Hotel Kota Tinggi | 1-4, Jalan Abdullah, Pekan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-882 7777 |
| 8 | Kota Tinggi Waterfall Resort | Jalan Lombong, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-889 9222 |
| 9 | Hotel Seri Kota Satu | 47, Jalan Jaafar, Pusat Perdagangan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor | 07-883 8111 |
| 10 | Kota Heritage Hotel | 11, Jalan Seri Warisan 1, Kota Heritage Commercial Centre, 81900 Kota Tinggi, Johor | - |
| 11 | Desaru Penawar Inn | No. 13 & 15, Jalan Cengal 1, Taman Desaru Utama, 81930 Bandar Penawar, Johor | 019-724 7314 |
| 12 | Jelita Duyung Resort | Lot 264, Kampung Nelayan, Sedili Besar, 81910 Kota Tinggi, Johor | 016-740 4601 |
| 13 | Hotel Desaru Penawar | No.2, Jalan Kempas 4, Taman Desaru Utama, 81930 Bandar Penawar, Johor | 07-886 1678 |
| 14 | Amansari Hotel Desaru | No. 127, Jalan Kempas 1, Taman Desaru Utama, 81930 Bandar Penawar, Johor | 07-828 0200 |
| 15 | Bayu Balau Beach Resort | Kampung Nelayan Tanjung Balau, 81930 Bandar Penawar, Johor | 013-723 1330 |



# Tempat Makan

## Belangkas Mahkota




: Jalan Tun Sri Lanang, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 019-725 6994

: 0.5 KM from city

## Nasi Ayam Baser




: 28, Jalan Niaga 3, Pusat Perdagangan Kota Tinggi, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 014-319 8580

: 0.5 KM from city

## Warung Lobster



: JP 15 Jalan pantai, Kampung Sungai Rengit, 81600 Kota Tinggi, Johor

: 012-750 9341

: 82 KM from city

## Okid Kopitiam




: 43, Jalan Tambatan, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 07-883 1079

: 0.2 KM from city

## Jade Garden

Lot 4785, 1, Jalan Siakap, Kampung Sungai Rengit, 81620 Pengerang, Johor

: 07-826 5460

: 70.5 KM daripada bandar.







## Restoran Bujang Firefly Seafood

: Seafood Bujang Firefly, Bandar Penawar, 81930 Bandar Penawar, Johor

: 45 KM from city



## Restoran Long Foong

Pork Free

: 23, Jalan Berlian Utama 1, Taman Daiman Jaya, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 016-740 0909

: 2.5 KM from city



## Kiang Kee Bak Kut Teh

non-halal

: Batu 8, Jalan Mawai, Kampung Haji Mohd Jambi, 81900 Kota Tinggi, Johor

: 13 KM from city









## RANCANG PERCUTIAN ANDA

**Dapatkan Pakej Percutian:** Dapatkan percutian yang padat dengan aktiviti. Dilengkapi dengan makanan enak, tempat menarik dan penginapan. Alami siang dan malam yang penuh dengan keseronokan. Terdapat pelbagai pakej percutian ditawarkan pasti menarik minat anda.

**Barang Persediaan:** Bawa bersama anda pakaian sekurang-kurangnya untuk lima hari. Serta pakaian santai untuk anda bergambar di lokasi-lokasi yang menarik. Pastikan anda membawa kasut yang selesa, pakaian mandi bagi mereka yang ingin bermain air dan sunblock. Pastikan anda tidak terlupa alat snorkeling anda.

## TEMPAT MENARIK

1. Taman Negara Johor Endau Rompin PETA
2. Teluk Resang
3. Setindan View
4. Tanjung Sekakap
5. Jeti Mersing
6. Dataran Kembara
7. Far East Planet Agrofarm
8. Pantai Air Papan

## LEGEND

Place Of Interest · Restaurant · Hotel · Market

# MERSING

Mersing merupakan sebuah daerah yang terletak di pesisiran pantai timur laut negeri Johor yang kaya dengan khazanah alam. Mersing terkenal dengan produk ekopelancongan yang mampu menyajikan satu pengalaman menakjubkan bukan sahaja di daratan, bahkan di lautan. Terdapat tujuh buah pulau yang boleh dijelajahi di perairan Laut China Selatan, pesisir pantai Mersing turut menjanjikan panorama indah, saujana mata memandang. Cabar diri beraktiviti lasak di Taman Negara Johor Endau Rompin, antara hutan simpan tertua di dunia. Tidak hanya terkenal dengan panorama muka bumi semula jadinya yang menggamit kunjungan, Mersing juga turut dikenali dengan perusahaan makanan tradisional tempatan seperti keropok lekor dan produk makanan laut yang pelbagai.




## Taman Laut Sultan Iskandar

Meskipun lebih terkenal sebagai pusat transit sebelum pelancong pergi ke pulau-pulau popular yang berada di perairannya, daerah Mersing juga mampu menawarkan pengalaman percutian yang menyeronokkan.

: Pulau Tengah, Mersing

: 15 KM dari Jeti Mersing






## Dataran Mersing

Sebuah lokasi yang sesuai untuk bersantai dan menyaksikan pemandangan Laut China Selatan dan pulau-pulau kecil yang berada berhampirannya. Pemandangan di sini pastinya tidak membosankan. Para pengunjung kebiasaannya akan menggunakan laluan yang tersedia sepanjang pantai untuk berjoging selain menghabiskan masa bersama keluarga mereka di sekitar dataran. Menjadi tarikan kerana menawarkan banyak pemandangan indah yang membelai mata serta tumpuan tempat bermain layang-layang.

:Dataran Mersing

:3KM from city




















## Mersing Harbour Centre

Pintu masuk utama untuk feri ke kepulauan Johor dan Pulau Tioman, jeti yang berkembang pesat sebagai transit menyediakan pelbagai kemudahan buat pengunjung. Antara kemudahan yang tersedia adalah restoran, tempat letak kereta, bank, pasar raya dan hotel bajet. Untuk memudahkan lagi urusan perjalanan, pengunjung boleh menggunakan laman web Easybook untuk meninjau jadual feri dan jadual bas ke Terminal Bas Mersing.

: Harbour Centre, Mersing, 86800 Mersing, Johor

: 550 M from city



## Masjid Jamek Mersing

Didirikan pada 1956 dengan rekabentuk berkonsepkan senibina Afrika Selatan dengan sedikit campuran elemen Melayu. Upacara perletakan batu asas masjid ini kemudiannya telah disempurnakan oleh Dato' Syed Alwi, iaitu Mufti Kerajaan Negeri Johor ketika itu pada 24 Zulhijjah 1375 Hijri bersamaan 2 Ogos 1956 Masihi. Bentuk bangunan keseluruhannya empat persegi dan terdapat dua buah anjung serta sebuah menara dibina bercantum di sisi bangunan masjid ini. Kemasan luarnya menampilkan reka bentuk gerbang pada kedua anjung tersebut.

: Jalan Masjid, Mersing Kechil, 86800 Mersing, Johor

: 1M from city







# Tempat-Tempat Menarik



## Jeti Nelayan Teluk Buih

Jeti ini menjadi kawasan tumpuan masyarakat untuk melakukan aktiviti memancing sambil menikmati panorama di sekitar Teluk Buih. Pengunjung juga boleh menginap di homestay berdekatan.

: Teluk Buih Mersing, Johor,

: 12 KM from city







## Mersing Bee Farm

Tempat ini menjadi tumpuan bagi mereka yang ingin mencari satu kelainan di daerah Mersing. Disini para pengunjung boleh mendapatkan madu lebah yang asli dan merupakan produk bumiputera dengan harga yang ditetapkan.

: Lot 5056 Batu 6, Jalan Jemaluang Kampung Gajah Mati 86800 Mersing Johor

: 019-639 3931

: 9.4 KM from city






## Laman Samudera - Street Art

Lokasi kegemaran para karyawan dan seniman. Terdapat pelbagai corak lukisan mural yang menarik dan kreatif. Sesuai untuk pengunjung yang gemar berfotografi.

: Laman Samudera, Jalan Abu Bakar, Mersing Kechil, 86800 Mersing, Johor

: 500M from city








## Pantai Penyabong

Pantai yang terletak di dalam kawasan Endau ini digelar sebagai Pantai Pasir Lanun pada abad ke-19. Ini kerana kawasan pantai ini pernah dijadikan sebagai tempat menyabung ayam dan persinggahan lanun.

Selain keindahan yang dialami, Pantai Penyabong ini juga sesuai untuk melakukan aktiviti keluarga seperti berkelah, memancing dan pelbagai lagi.



: Tanjung Penyabong, Mersing

: 40KM from city



# AKTIVITI DAN REKREASI

: Pulau Mawar, Mersing

: 27.7 KM dari bandar



## Geopark Mersing - Pulau Mawar

Pulau Mawar yang terletak di Mukim Penyabong, Daerah Mersing merupakan salah satu pulau di negeri Johor yang dinamakan 'Heaven Gate' dalam kalangan jurugambar kerana terdapat struktur gerbang batuan di situ. Tiga tapak utama Geopark Mersing ialah di Tanjung Kempit, Tanjung Penyabung dan Pulau Mawar. Ketiga-tiga geopark ini menyimpan rekod sejarah perkembangan bumi.







## Teluk Gorek

Saksikan sendiri pemandangan Laut China Selatan, dihiasi dengan pulau-pulau dan pesisir pantai. Air laut di persisiran pantai ini tenang dan sememangnya sesuai untuk bermandi-manda, dengan kecantikan pasir pantai yang memutih akan melengkapkan pengalaman kunjungan di sini. Hutan Lipur Gunung Arong juga berada berhampiran kawasan pantai ini, dan ianya masih terpelihara dengan berbagai khazanah alam yang pastinya berbaloi untuk diterokai. Lokasi ini semakin menempa nama sebagai sebuah lagi destinasi ekopelancongan di Mersing.

: Teluk Gorek, Mersing

: 23.5 KM from city





## Pantai Air Papan

Semestinya destinasi yang sesuai untuk sebuah percutian hebat. Rasai kehalusan pasir putih bersih di tapak kaki dan bunyi deruan ombak berdendang di telinga, yang pasti memberikan kesegaran minda buat pengunjung. Panorama indah, ditambah dengan kemudahan awam yang serba lengkap adalah satu satu sebab mengapa Pantai Air Papan menjadi destinasi rekreasi popular di setiap hujung minggu. Turut menambah kemeriahan di sini adalah aktiviti-aktiviti seperti berkayak, sewaan kenderaan ATV dan sukan rekreasi air yang menyeronokan.

: Pantai Air Papan, Mersing

: 13.1 KM from city





## Setindan View

Sebuah lokasi yang harus dikunjungi jika berkunjung ke Mersing. Saksikan sendiri pemandangan Laut China Selatan, dihias dengan pulau-pulau dan pesisir pantai.

: Setindan View, Jalan, Kampung Air Puteri, 86800 Mersing, Johor

: 2.6 KM from city






## Far East Planet Agrofarm

Far East Planet Agrofarm merupakan satu-satunya pusat pembenihan sang 'raja sungai' tersebut di negara ini. Memulakan perniagaan sejak tahun 2014, perniagaan ini kini merupakan pembekal utama ikan kelah biru di negeri Johor.

: Lot 109, Jalan Tuhanal, Kampung Air Merah, 86800, Mersing, Johor.

: 012-339 4849

: 2.3 KM from city











## Endau-Rompin Peta

Hutan hujan tertua yang teletak di Tenggara Johor ini merupakan khazanah biodiversiti dan habitat kritikal yang sangat penting bagi kelangsungan hidup fauna yang terancam di negara ini, termasuk Harimau Malaya, Tapir Malaya dan Gajah Asia. Pintu masuk Peta merupakan laluan ke hutan belantara di lembah Ulu Sungai Endau, di mana terdapat sungai-sungai yang mengalir jernih dan daya tarikan utamanya adalah air terjun. Lawatan ke Peta juga merupakan satu pengalaman baru, memandangkan lembah Endau terletak di tanah penduduk Kampung Peta yang kelangsungan hidupnya bergantung dengan hutan dan cara hidup yang unik.

: Taman Negara Johor Endau-Rompin (PETA)

: 07-788 2812

: 98KM from city



















# Industri Kecil Sederhana (IKS)

Daerah Mersing turut terkenal dengan perusahaan keropok lekor kerana lokasinya yang berdekatan dengan persisiran pantai dan laut, menjadikan bahan-bahan pembuatannya segar dan mudah untuk didapati.




## Keropok Haji Puteh

: Kampung Tenglu Kecil, 86800 Mersing, Johor

: 019-718 1436

: 2KM from city




## Pak Dol Lekor Mersing

: Kampung Mersing Kanan, 86800 Mersing, Johor

: 012-704 5356

: 1.5KM from city



## Keropok Lekor dan Satar Kunita Sri Mersing

: J80, Kampung Mersing Kanan, 86800 Mersing, Johor

: 017-777 6442

: 1.5KM from city






## Pasar Nelayan Teluk Buih

: 11.2KM from city





## Pasar Komuniti Dan Karavan Mersing

: 2.3KM from city





## Keropok Hj. Ramli

: JM 14, Jalan Makam, 86800 Mersing, Johor, 86800

: 1.5KM from city

: 07-799 1426








# Penginapan

## Hotel Seri Malaysia

Bukan satu nama yang asing, Hotel Seri Malaysia memberikan keselesaan dan kemudahan yang serba lengkap.

: Jalan Ismail, Mersing Kecil, 86800 Mersing, Johor

: 07-799 1876

: 3 KM from city

















## Bayu Lestari Island Resort

Bayu Lestari Island Resort merupakan tarikan utama di Pulau Besar. Selain penginapan yang selesa, pelbagai aktiviti dapat dilakukan di sini seperti 'jungle trekking', 'hiking' dan berbasikal sambil menikmati panorama di sekitar pulau.

: Lot 4, Pulau Besar, 86800 Mersing, Johor

: 019-728 4450

: 17 KM from city























## Batu-Batu Resort

: Pulau Tengah, 86800 Mersing, Johor

: 017-755 2770

: 16 KM from city







## Pulau Tinggi

Pulau Tinggi adalah pulau tertinggi di kalangan pulau-pulau yang berdekatan. Oleh itu, ia digelar 'Tinggi' oleh penduduk setempat. Pulau ini sebenarnya adalah daripada gunung berapi yang tidak aktif yang bernama Gunung Semundu. Pada zaman dahulu, Pulau ini digelar 'The General's Hat Island' oleh pelayar-pelayar cina kerana keadaannya yang berbentuk kon seperti topi.

: Lot 44, Kampung Penaga, Pulau Tinggi, 86800 Mersing, Johor

: 013-776 8811

: 7 KM from city

## Tad Marine Resort

Jika ingin menginap dan berekreasi, Tad Marine Resort adalah pilihan yang tepat. Selain dari suasana pantai yang menenangkan terdapat juga aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan seperti berkayak, berbasikal, snorkling dan banyak lagi.

: Kampung Pasir Panjang, Pulau Tinggi, 86800 Mersing, Johor

03-8023 9009

: 34 KM dari Jeti Mersing









## Aseania Beach Resort

Selain pemandangan yang mendamaikan untuk penginapan, Aseania Beach Resort juga menyediakan fasiliti untuk majlis keramaian seperti perkahwinan yang berkonsepkan pantai.

: Lot 33, 34 & 35, Pulau Besar, 86800 Mersing, Johor

: 03-6201 1055

: 30 KM dari Jeti Mersing

## Fishing Bay Resort

Fishing Bay Resort terletak di Teluk Buih, Air Papan. Di sini pengunjung dapat menikmati panorama menarik di sekitar teluk dan pantai.

: 525, Jalan Teluk Buih, Air Papan, 86800 Mersing, Johor

: 07-799 6753

: 12.2KM from city















## Mersing Beach Resort

Mersing Beach Resort berada di Kampung Air Papan yang terletak 10km ke Utara Mersing. Perkampungan ini diapit oleh bukit dan dihiasi dengan banyak spesies flora dan fauna yang masih belum terjejas. Pantai ini sangat indah dan sempurna bagi mereka yang ingin melepaskan diri dari kesibukan kota. Airnya bersih, biru dan pemandangannya sangat indah.

: Air Papan, 86800 Mersing, Johor

: 07-7994545

: 10 KM from city













## Felda Residence Tanjung Leman

Felda Residence Tanjung Leman yang terletak di kawasan pedalaman pantai timur Johor merupakan salah satu tempat penginapan yang turut menyediakan aktiviti menarik bagi para pengunjung yang ingin kan percutian ke Mersing. Sekiranya pengunjung ingin melakukan aktiviti pulau-pulau berhampiran, penginapan ini sesuai dijadikan sebagai destinasi istirahat kerana jaraknya berhampiran dengan jeti utama.

: Lot PTD 144 Mukim, Teluk Tanjung Leman, 86810 Mersing, Johor

: 07-791 1155

: 70KM from city

## Rawa Island Resort

Rawa Island Resort sebuah penginapan mewah bagi pengunjung yang berada di Pulau Rawa. Penyediaan fasiliti yang lengkap dan berhampiran pantai menjadikan kawasan penginapan ini sesuai untuk pengunjung melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik sepanjang berada di Pulau Rawa.

: Rawa Island Resort Sdn Bhd, Tourist Centre, Jalan Abu Bakar, 86800 Mersing, Johor, Malaysia

: 17.9 KM dari jeti Mersing

: +607 799 1204 / +607 799 1205



**Selain itu, penginapan-penginapan lain yang terdapat di Mersing:**

| NO | HOTEL | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | SeaView Homestay Mersing | 11, Jalan Seri Tanjung 3, Taman Sri Tanjung, 86800 Mersing, Johor | 016-722 1706 |
| 2 | Mersing Merlin Inn | Jalan Endau Utama, Kampung Seri Lalang, 86800 Mersing, Johor | 07-799 6888 |
| 3 | SingStay Guest House | No. 44, Jalan Samudera, Taman Samudera 86800 Mersing, Johor | 016-731 8888 |
| 4 | Hotel Mersing | Jalan Dato Mohd Ali, Mersing Kechil, 86800 Mersing, Johor | 07-799 1004 |
| 5 | MG Hotel | 10-C, Jalan Jemaluang, Mersing Kechil, 86800 Mersing, Johor | 07-798 0699 |




## TEMPAT MENARIK

1. Taman Negara Johor Endau Rompin Selai
2. Hot Springs Recreation Center
3. Dataran Labis
4. Taman Eko Rimba Taka Melor
5. Jambatan Putus Buloh Kasap
6. Labis Sunrise Farm

## RANCANG PERCUTIAN ANDA

**Dapatkan Pakej Percutian:** Dapatkan percutian yang padat dengan aktiviti. Dilengkapi dengan makanan enak, tempat menarik dan penginapan. Alami siang dan malam yang penuh dengan keseronokan. Terdapat pelbagai pakej percutian ditawarkan pasti menarik minat anda.

**Barang Persediaan:** Bawa bersama anda pakaian sekurang-kurangnya untuk lima hari. Serta pakaian santai untuk anda bergambar di lokasi-lokasi yang menarik. Pastikan anda membawa kasut yang selesa dan pakaian mandi bagi mereka yang ingin bermain air.

# SEGAMAT



Menurut kisah lagenda tempatan, nama Segamat berasal daripada perkataan 'Segar amat' yang diungkap oleh Bendahara Tepok kepada tenteranya, sewaktu sedang meminum air di sungai ketika berundur dari Johor, sewaktu kejatuhan Melaka sekitar kurun ke-16 Masihi. Segamat turut digelar 'Tanah raja buah-buahan'. Slogan ini jelas melambangkan identiti daerah ini sebagai syurga raja buah, iaitu durian. Keadaan tanah yang subur menjadikan sektor pertanian daerah ini telah berkembang dengan pesat, dan perusahaan utamanya adalah kelapa sawit dan getah, kebanyakkannya ditanam di dalam kawasan tanah rancangan FELDA dan FELCRA.

Seperti daerah-daerah lain di negeri Johor, Segamat turut mempunyai sumber alam semula jadi yang menarik untuk dikunjungi, seperti Taman Negara Johor Endau-Rompin Selai, Air Terjun Jeram Tinggi, Air Terjun Taka Melor dan Air Terjun Sungai Bantang. Pilihan aneka makanan tempatan boleh didapati di sini. Juga tidak kurang hebatnya, setanding dengan daerah-daerah di negeri Johor yang lain.

## Dataran Segamat

Dataran Segamat dibina pada tahun 1996 sebagai tempat utama berlangsungnya sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri Johor. Sebelum diubahsuai dan diberi nama sebagai Dataran Segamat, lokasi ini dikenali sebagai Padang Besar Segamat.

:Jalan Omar, Kampung Gubah, 85000 Segamat, Johor

:200 M from city



# Tempat - Tempat Menarik

## Jambatan Putus Buloh Kasap

Lokasi bersejarah ini dikatakan telah dibina oleh tentera British sebagai salah satu projek dalam pembinaan Persekutuan Route 1. Namun, setelah jambatan ini siap dibina dan selamat untuk digunakan, tentera British terpaksa menghancurkan sebahagian daripada jambatan ini sebagai salah satu usaha untuk menghalang kemaraan tentera Jepun yang sedang menuju ke Singapura semasa Perang Dunia ke 2.

Setelah dihancurkan, jambatan ini telah terputus kepada dua bahagian. Dari situlah jambatan unik ini mendapat nama. Setelah perang berakhir, jambatan ini dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang kerja membaik pulih. Hari ini, Jambatan Putus merupakan salah satu lokasi bersejarah negara yang menjadi tempat menarik di Segamat. Bagi tujuan pengangkutan, Jambatan Buloh Kasap yang baru telah dibina betul-betul disebelah Jambatan Putus Buloh Kasap ini.

: Jalan Buloh Kasap, Kampung Kuning Patah, 85000 Buloh Kasap, Johor

: 8 KM from city










## Labis Sunrise Farm

Labis Sunrise Farm mempunyai ladang buah-buahan terbesar di Segamat. Pakej penginapan juga tersedia dan mampu menampung seramai 60 orang pengunjung pada satu masa. Antara aktiviti yang boleh dilakukan di sini adalah program seminar, hari keluarga, perkhemahan dan pelbagai lagi. Apa yang menarik di sini, pengunjung boleh menyaksikan matahari terbit dan terbenam di pelantar yang disediakan.

: Lot 3091, Jalan Segamat, Labis, 85300 Segamat, Johor

: 011-1631 2544

: 26 KM from city







## Taman Negara Johor Endau-Rompin Selai

Taman Negara Johor Endau-Rompin Selai merupakan sebuah hutan hujan tropika yang terletak 26 KM dari Pekan Bekok. Terletak di kaki Gunung Tiong yang berhampiran dengan perkampungan orang asli iaitu Kampung Kemidak dan Kampung Selai, Taman Negara Johor ini mempunyai banyak air terjun yang masih terpelihara. Hutan ini bukan sahaja kaya dengan kepelbagaian tumbuh-tumbuhan, malah ianya sangat penting dalam memelihara dan melindungi hidupan liar. Antara aktiviti yang disediakan ialah 'Jungle trekking', 'water tubing', 'camping', 'bird watching' dan pelbagai lagi.

: Kampung Bekok, 85400 Bekok, Johor

: 07-922 2875

: 55 KM from city



## Air Terjun Sungai Bantang, Bekok

Sebuah lagi kawasan air terjun yang berbaloi untuk dilawati di dalam kawasan Hutan Simpan Labis. Dengan kesegaran air terjun dan pemandangan yang memukau, lokasi ini amat sesuai untuk aktiviti rekreasi hutan seperti berkelah, berkhemah, barbeku, dan merentas hutan. Destinasi ini cukup popular dalam kalangan penduduk tempatan pada waktu hujung minggu.

: Jalan Sungai Bantang, Bekok 85400 Malaysia

: 59 KM from city





# Aktiviti dan Rekreasi

## Taman Eko Rimba Taka Melor

Taman Eko Rimba Taka Melor ini berada di dalam Hutan Simpan Labis, sebuah Hutan Lipur yang kaya dengan flora dan fauna yang tumbuh dan hidup melata. Tarikan utamanya adalah air terjun bertingkat dengan tebing yang agak tinggi. Sesuai buat penggemar cabaran dan pencinta alam.

: Taman Eko Rimba Taka Melor, 85300 Labis, Segamat, Johor

: 07-9312 141

: 36 KM from city





## Kolam Air Panas Labis

Kolam Air Panas Labis ini terletak di Kampung Tenang, kira-kira 10 kilometer dari pekan Labis dan lebih kurang 32 kilometer dari Bandar Segamat.

Terdapat 4 kolam besar air panas semula jadi di sini. Pengunjung yang membawa anak kecil ke sini, tidak perlu risau tentang keselamatan mereka kerana paras air kolam-kolam di sini adalah cetek dan sesuai buat semua lapisan umur.

: Air Panas, 85300 Labis, Johor

: 07-928 7106

: 32 KM from city













# Pusat Beli-belah







## Segamat Central Shopping Mall (Segamat Central)

Segamat Central merupakan satu-satunya pusat beli-belah di Segamat. Lokasi Segamat Central Mall ini juga mesra pelanggan dan berada berdekatan dengan terminal pengangkutan utama di Segamat iaitu terminal bas utama dan stesen Keretapi Tanah Melayu.

: Segamat Central Pusat Beli-belah, Jalan Kolam Air, 85000 Segamat, Johor.

: 07-931 3888

: 600 M from city

# Tempat Makan



## Lagenda C Pallet Labis

: Taman Lagenda 488 Labis, Johor, : 013-707 4704

: 38.6 KM from city




## DAPO Bubu

No. 63, Taman Orkid Baru, Jalan Segamat, 85300 Labis, Johor

: 011-1010 0142

: 30 KM from city



## NanYang Kopitiam

: No. 8, Jalan Awang, Johor, 85000 Segamat

: 600 M from city

: 07-931 1013

## Selera Nasi Beringin Segamat




: 22 & 24, Jalan Utama 2/7, Taman Utama, 85000 Segamat

: 012-604 6365

: 1.2 KM from city

## Facefood Café Segamat




: No 4 Tingkat Bawah, Jalan Utama 1/5, Taman Utama, 85000 Segamat, Johor

: 010-463 6426

: 1.5 KM from city

## Salai Segamat




:No 15, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor

: 013-710 7270

: 1 KM from city

# Penginapan

## The View Hotel Segamat

Dengan kapasiti 77 bilik yang ditawarkan hotel yang terletak di tengah-tengah pusat bandar Segamat ini berada berdekatan dengan kemudahan-kemudahan seperti pasar raya (Billion, Nirvana, Econsave) dan tempat-tempat makan seperti Ba 'Thai, KFC, Nanyang Kopitiam, Yuan Yuan Kopitiam, Restaurant Long Fong, McDonalds dan Pizza Hut.

: 145, Jalan Dato Sia Her Yam,, Bandar Seberang, 85000 Segamat

: 07-931 3808

: 1.7 KM from city






## Icon Hotel Segamat

Hotel ini merupakan sebuah hotel butik yang terletak di tengah-tengah Pusat Komersial Sri Utama Segamat yang lebih dikenali sebagai 'Sri Utama'. Lokasinya yang strategik, berdekatan dengan pelbagai kedai runcit, tempat makan serta kehadiran pasar raya besar Segamat menjadikannya sebuah penginapan yang ideal buat sang pengembara.

: Pusat Komersial Sri Utama, 57, Jalan Utama 3/5,
85000 Segamat, Johor

: 07-931 8313

: 1.7 KM from city





## VIP Hotel

Terletak berhampiran bandar Segamat, VIP Hotel adalah tempat menginap yang paling sesuai bagi pengunjung yang inginkan penginapan berkelas tinggi. Sesuai dengan namanya, kemudahan yang disediakan di sini memberikan gambaran eksklusif dan mewah kepada para pengunjung. Terdapat juga kemudahan spa, gimnasium, kolam renang dan banyak lagi untuk kegunaan para tetamu.

Jalan Buloh Kasap, Kampung Tengah, 85000 Segamat, Johor

: 07-931 2101

: 1.6 KM from city






## Koptown Hotel Segamat

Reka bentuk bilik yang bercirikan kontemporari dengan ruang yang luas akan menjanjikan pengalaman penginapan yang selesa buat pengunjung. Serba lengkap dengan segala kemudahan, hotel ini juga memberikan harga penginapan yang berpatutan.

: Jalan Kolam Air, Kampung Gubah, 85000 Segamat, Johor

: 07-931 2200

: 1 KM from city







**Penginapan-penginapan lain yang terdapat di Segamat adalah:**

| NO | HOTEL | ALAMAT | NO.TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Homestay Smilian Felda Tenang | No 221, Jalan Masjid,, Felda Tenang Labis, Labis, Johor | 017-299 5119/ 012-325 8544 |
| 3 | Golden Lake Garden Hotel | Jalan Hussin, Kampung Gubah, 85000 Segamat, Johor | 07-932 8887 |
| 4 | Homestay Segamat Villa Seri Intan | Lot 1597 Jalan Sulir Kampung Sulir, Pekan, 85000 Segamat, Johor | 012-640 3501 |





# PONTIAN

Terkenal dengan gelaran 'Tanah Terhujung Benua Asia', daerah Pontian semakin mendapat perhatian sebagai sebuah destinasi pelancongan. Terletak berhadapan dengan Selat Melaka, daerah ini kaya dengan kawasan muka bumi yang serba hijau, taman-Taman Negara Johor terpelihara, serta kawasan paya bakau unik yang telah menjadi pelindung semula jadi tanah bertuah ini dari ancaman cuaca. Kesuburan tanahnya pula menjadikan daerah Pontian terkenal dengan perusahaan nanas, dimana lebih 100 jenis tanaman nanas boleh didapati disini.

## Tanjung Piai (Taman Negara Johor)

Taman Negara Johor ini terbentang seluas 926 hektar dan merupakan sebahagian daripada tapak RAMSAR, iaitu hutan bakau dan tanah berlumpur yang penting buat ekosistem sekitarnya. Menggunakan laluan jambatan kayu yang disediakan untuk merentasi kawasan paya bakau, perjalanan pengunjung akan disajikan dengan pemandangan paya bakau yang tidak disentuh oleh pembangunan dan hidupannya yang jarang dapat disaksikan di mana-mana. Keaslian yang perlu kita lindungi. Laluan pejalan kaki ini menghubungkan pengunjung ke pelantar yang sering menjadi tumpuan kaki pancing, serta menjadi tempat tumpuan untuk menikmati keindahan Selat Melaka.

Antara aktiviti lain yang boleh dilakukan di sini adalah memancing di atas platform yang disediakan, berkelah, berkhemah, melihat keindahan kawasan persekitaran dari puncak menara pemerhati, melihat migrasi burung dan melihat kunang-kunang.

: Taman Negara Johor Tanjung Piai
82030, Mukim Serkat Pontian, Johor

: 07-6969 712/ 6969 796

: 29.2 KM from city














## Tempat - Tempat Menarik










## Taman Negara Johor Pulau Kukup

Hutan paya bakau di daerah Pontian, terletak di perairan barat daya Johor, iaitu antara Selat Kukup dengan Selat Melaka. Ia merupakan pulau hutan bakau tidak berpenghuni antara yang terbesar di dunia, dengan keluasan 1447 hektar. Seperti kebanyakan pulau-pulau kecil lain di rantau ini, Pulau Kukup merupakan habitat bagi tujuh spesies mamalia, enam spesies reptilia, 23 spesies burung dan 111 spesies ikan.

Taman Negara Johor Pulau Kukup,
Lot 1319, Mukim Air Masin, 82300 Kukup, Pontian

: 07-6969 355

: 20 KM from city







## Kelong Sri Pantai Pontian

Kelong Sri Pantai Pontian merupakan tempat memancing yang sangat luas dan cara binaannya memudahkan pemancing untuk melempar joran dengan jauh. Turut disediakan kemudahan chalet untuk mereka yang berminat untuk bermalam di sini.

: Taman Sri Pantai, Pontian, Johor

: 2.6 KM from city









## Tugu Nanas Pontian

: Taman Emas, 81500 Pekan Nanas, Pontian, Johor





## Muzium Bugis

Sebuah muzium yang dinamakan Muzium Bugis telah didekasikan oleh kerajaan negeri Johor khas untuk mengenang dan mengenali sejarah serta susur galur warisan etnik tersebut. Dianggarkan terdapat lebih kurang 2000 artifak Bugis seperti barang-barang kesenian, senjata, busana, perhiasan diri, koleksi barangan antik, gambar-gambar dan sebagainya ada dipamerkan di sini.

: Muzium Bugis, Kampung Rambah, 82000 Rambah, Johor

: 017-763 3244

: 7.8 KM from city










## Taman Rekreasi Sungai Rambah

Pusat Rekreasi Sungai Rambah terletak di kuala Sungai Rambah dan merupakan lokasi rekreasi utama di Pontian. Pelbagai aktiviti riadah boleh dilakukan di sini. Beberapa taman permainan dan wakaf turut dibina bagi kemudahan pengunjung.



: Kampung Rambah, 82000 Pontian, Johor

: 7.7 KM from city











## Pasar Nelayan Sungai Ayer Baloi

Pasar Nelayan Sungai Ayer Baloi yang terletak di Muara Sungai Ayer Baloi ini beroperasi seawal jam 6.30 pagi. Ramai pengunjung yang datang untuk membeli ikan segar yang ditangkap oleh nelayan-nelayan di kawasan sekitar Kg Pulai Sebatang, Ayer Baloi & Api-Api. Ikan-ikan segar di sini dijual dengan harga yang murah berbanding pasar lain. Kawasan Ayer Baloi juga digelar sebagai hab pengeluaran kerang di Malaysia kerana perairannya yang dikatakan amat sesuai untuk proses pembiakan kerang secara semula jadi.

: Jeti 82100 Ayer Baloi, Pontian,Johor

: 12.8 KM from city









# Tempat Makan

## Ikan Asam Pedas Belanga

: Jalan Pontian - Kukup, Batu 38 1/2, Kampung Rimba Terjun

: 014-270 3240

: 20.4 KM from city






## Soto Seri Bunian

: J169, 82000 Pontian

: 011-3323 4491

: 10.9 KM from city






## Mee Udang Manja

: Kampung Parit Bilal, 82000 Pontian, Johor

: 013-778 0198

: 6.9 KM from city






## New Kukup Seafood Restaurant

:No.1, Kukup Laut, 82300 Pontian Johor

: 07-696 0216

: 21.2KM from city





# Penginapan

## Lata Sri Pulai

Lata Sri Pulai menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap dan berteraskan konsep melayu tradisional. Pengunjung yang ingin merasai suasana kampung pasti teruja dengan suasana persekitaran di sini. Terdapat rumah besar yang mampu menempatkan sehingga 50 orang dalam satu masa, sesuai bagi keluarga besar yang mencari penginapan selesa. Gelongsor air besar yang ada di sini pasti membuatkan pengunjung teruja. Terdapat juga kolam buatan yang dipenuhi ikan talapia di sini. Yang menariknya, pengunjung yang menyewa di sini dibenarkan untuk memancing ikan talapia di kolam berkenaan. Pengunjung juga boleh melakukan aktiviti luar seperti berbasikal mengelilingi kawasan Lata Sri Pulai dan kawasan kampung berhampiran.

: 4, Jalan Kampung Melayu Raya, Jalan Rizab 1, 81500 Pekan Nanas, Johor
: 019-328 2881
: 22 KM from city







## Hotel Garden (Town)

Hotel ini berada di tengah bandar Pontian Kechil, yang merupakan pusat bandar daerah Pontian yang menyajikan pengunjung dengan pemandangan persisiran pantai. Hotel ini terletak berdekatan dengan Terminal Bas Pontian sekaligus memudahkan pengunjung untuk datang menginap di hotel ini.

: No. 1,, Jalan Delima 7, Pontian Kechil, 82000 Pontian, Johor
: 07-686 1001
: 550 M from city










## Semerah Garden Hotel

Sebuah lagi hotel yang berada di pekan Pontian Kechil. Keunikannya, hotel ini menggunakan konsep reka bentuk kayu yang unik. Sebanyak 27 buah bilik disediakan di sini yang mempunyai pelbagai tema alam semula jadi, dengan 4 jenis bilik tersedia untuk pilihan anda. Ia turut mempunyai kafe tersendiri, memudahkan penginapnya untuk mendapatkan makanan.

: 1, Jalan Sri Semerah 1, Kampung Parit Semerah, 82000 Pontian, Johor.
: 07-686 1001
: 3.7 KM from city












## RANCANG PERCUTIAN ANDA

**Dapatkan Pakej Percutian:** Dapatkan percutian yang padat dengan aktiviti. Dilengkapi dengan makanan enak, tempat menarik dan penginapan. Alami siang dan malam yang penuh dengan keseronokan. Terdapat pelbagai pakej percutian ditawarkan pasti menarik minat anda.

**Barang Persediaan:** Bawa bersama anda pakaian sekurang-kurangnya untuk lima hari. Serta pakaian santai untuk anda bergambar di lokasi-lokasi yang menarik. Pastikan anda membawa kasut yang selesa. Jika ada berminat untuk hiking, pastikan anda membawa alat hiking anda.

## TEMPAT MENARIK

1. UK Agro Farm Resort
2. Taman Rekreasi Gunung Lambak
3. Hutan Lipur Gunung Berlumut
4. Kahang Adventure Eco Camp
5. Dataran Tasik Kluang
6. Kluang Street Art







# KLUANG

Daerah Kluang mendapat namanya daripada perkataan Melayu 'Keluang' yang membawa maksud sejenis kelawar besar ataupun kelawar buah. Daerah Kluang ini terletak di tengah-tengah negeri Johor, dikelilingi bentuk muka bumi yang berbukit dan puncak tertingginya mencapai 510 meter dari paras laut. Sesuai dengan bentuk muka buminya, daerah Kluang yang kaya dengan keindahan alam semulajadi semakin berkembang sebagai lokasi agropelancongan utama di dalam Malaysia.

## Tempat-Tempat Menarik

### UK Farm Agro Resort

UK Farm Agro Resort berada 18km dari Bandar Kluang. Ladang penternakan dan pertanian ini berkeluasan 100 ekar dan menjanjikan seribu memori indah buat pengunjung sambil menikmati kehijauan alam semula jadi yang menyegarkan. Pengunjung boleh melawat kawasan penternakan kambing, ayam kampung dan kolam itik, melawat taman burung unta, melawat kampung orang asli, melihat ladang buah markisa, melihat haiwan-haiwan di mini zoo, menyaksikan keindahan taman lavender dan banyak lagi. Pelbagai aktiviti lain yang terdapat disini seperti berinteraksi dengan haiwan-haiwan, safari malam, menunggang kuda serta cabaran menangkap kambing.

Penginapan untuk pengunjung seperti chalet atau dormitori berkonsepkan rumah panjang, asrama dan dewan turut tersedia di sini.












: Plot 8, Projek Pertanian Moden Kluang, KM13 Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor.

: 07-759 7555 / 07-759 7555

: 7 KM from city

## Taman Rekreasi Gunung Lambak

Muka bumi Gunung Lambak masih terpelihara dengan spesies flora dan fauna yang pelbagai. Di sini, pengunjung dapat menikmati keindahan air terjun yang cukup cantik serta mempersonakan. Taman rekreasi ini merupakan lokasi ideal bagi penggemar cabaran dan juga pemandangan hijau yang ingin lari dari hiruk-piruk kota.

Terletak hanya 5km dari bandar Kluang, lokasi pendakian terkenal ini popular dalam kalangan para pendaki termasuk dari Singapura. Trek pendakian ke Gunung Lambak ini terdiri dari beberapa peringkat iaitu mudah, sederhana dan sukar. Pemandangan indah dan menakjubkan keseluruhan bandar Kluang dari kawasan puncak yang berketinggian 510 meter dapat dilihat.

Antara tumpuan lain yang terdapat di sini adalah Gunung Lambak Waterpark. Pengunjung dapat menggunakan kemudahan seperti dua kolam besar dan tiga golongsor air, bilik persalinan, wakaf, gerai jualan makanan, tempat letak kenderaan dan tempat penginapan

: 93, Jalan Bermi, Taman Gunung Lambak,
86000 Kluang, Johor

: 5 KM from city

















## Hutan Lipur Gunung Belumut

Hutan Rekreasi Gunung Belumut terletak 32 km dari bandar Kluang, melalui Jalan Kluang-Mersing. Gunung ini diberi nama sempena permukaan batu-batuan di gunung ini yang licin dan berlumut. Ia lebih tinggi dan curam sekiranya dibandingkan dengan Gunung Lambak. Salah satu tarikan gunung berkenaan ialah Batu Mahkota iaitu sebuah batu yang kelihatan seolah-olah satu mahkota raksasa, dan dapat dilihat selepas melalui pengembaraan berjalan kaki selama dua jam.

Untuk sampai ke puncak gunung ini, pengunjung perlu melalui jalan balak dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda atau berjalan kaki melalui denai. Perjalanan mendaki akan memakan masa lebih kurang 4 jam. Kebiasaannya pengunjung akan menghabiskan masa di kaki gunung di mana terdapat aliran air terjun yang sederhana tinggi, sesuai buat aktiviti perkelahan. Tidak hairanlah jika kumpulan konvoi bermotosikal selalu menjadikan lokasi ini sebagai destinasi mereka. Antara kemudahan yang disediakan, termasuklah tempat meletak kenderaan yang luas, taman permainan kanak-kanak, tempat mandi dan tapak perkhemahan.

: Hutan Simpan Kluang
86000 Kluang, Johor

: 07-7725 944

: 30.7 KM from city












## Kahang Adventure & Eco Camp

Terletak 45 kilometer dari bandar Kluang, lokasi ini menyediakan suasana yang tepat buat pengunjung yang ingin beriadah dalam suasana persekitaran desa. Tapak perkhemahan yang disediakan terletak betul-betul bersebelahan dengan sawah bendang. Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di sini adalah memancing di sawah, melawat kawasan perkampungan setempat, berkayak, merentas hutan, menyelusuri dan bermandi di sungai, aktiviti sukaneka dan permainan sukan rakyat.

Lokasi ini amat sesuai untuk upacara seperti hari keluarga, sambutan hari lahir dan pelbagai lagi. Bagi mereka yang tidak mahu berkhemah di luar pula, tidak perlu risau kerana homestay yang selesa dan fasiliti-fasiliti asas yang lain turut disediakan.

